

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوْ كُنَّا بِمَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD

PENYELARAS :

MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN

PENULIS :

1. AZIZON BINTI SALLEH
2. SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD
3. MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN
4. MOHD SOLAHUDDIN BIN SHAHRUDDIN
5. NURUL'AIN BINTI MOHD
6. SITI KHURSHIAH BINTI MOHD MANSOR
7. MOHD SIRAJUDDIN SISWADI PUTERA BIN MOHAMED SHITH

8. NOOR AZNAIM BINTI ABD LATIB
9. HANIFAH BINTI MUSA FATHULLAH HARUN
10. NURFARADILLA BINTI HARON
11. ZAINUR NADIYAH BINTI BAHARUDIN
12. ANIS HAMIZAH BINTI HAMID
13. SITI SARAH BINTI IZHAM
14. NUR HAFIZAH BINTI HARUN
15. NUR FARHANI BINTI ZARMANI
16. SHOFIYYAH BINTI MOIDIN
17. NURUL HASANAH BINTI TAMILI
18. HAJAR BIN OPIR
19. MUHAMMAD NAJIB BIN ABD WAKIL
20. MASTURA BINTI RAZALI
21. SITI NOR AMIRA BINTI MOHAMAD
22. IKMAL HAFIZ BIN JAMAL
23. MOHAMAD AFANDI BIN MD ISMAIL
24. AISHAH BINTI AZLAN
25. MUHAMAD HASIF BIN YAHAYA
26. SUMAIYAH BINTI BAHRI
27. FATIN NABILAH BINTI ABDUL WAHID

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Pelan Strategik UiTM 2025, Amanat Naib Canselor dan Amanat Kementerian Pengajian Tinggi menjadi asas kepada formula utama perancangan strategik ACIS. ACIS juga merujuk kepada Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia ke-12 2021-2025, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Kerangka Malaysia MADANI iaitu (**KERANGKA 1: KEMAMPANAN**), merujuk kepada **KEMASYARAKATAN**, Hala Tuju Strategik RMK-10 UiTM, Polisi Nasional Industri 4.0, serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) iaitu **SDG 4: (Pendidikan berkualiti)** dan **SDG 11: (Komuniti dan bandar yang lestari)**.

Penumpuan proses kepimpinan secara khusus adalah ke arah Bidang Tumpuan iaitu Jaringan Alumni, **Komuniti** dan Kesukarelawan (**J4KK**). Pengesahan pihak INQKA membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada **KOMUNITI**, diterjemahkan melalui TEMA **ACIS WoW 2 Assist**.

Pelaksanaan

Strategi kepimpinan efektif dan berkualiti secara menyeluruh dibina melalui pembangunan **Model Sistem 5P Holistik ACIS**: Lampiran 1.2.1. ACIS mematuhi dasar, pekeliling/polisi yang dikeluarkan oleh universiti dan KPT serta kementerian berkaitan. Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan kaedah mantap bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan ACIS menitikberatkan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) berkesan. Segala keputusan pengurusan ditentukan secara kolektif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Pelaksanaan Sistem 5P Holistik ACIS iaitu perancangan, pelaksanaan, pengukuran, pencapaian dan pemantauan. Usaha di atas dilakukan bagi memantapkan hubungan bersama komuniti ke atas kolaborasi yang dilaksanakan.

Kepimpinan Kanan berkomunikasi dengan staf melalui mesyuarat, perhimpunan jabatan, pekeliling, surat, memo, emel termasuk kumpulan WhatsApp/Telegram. Bagi meningkatkan kecemerlangan prestasi staf, Kepimpinan Kanan sentiasa memberi bimbingan, sokongan dan penghargaan. Staf cemerlang diberi surat penghargaan atas sumbangan masa dan tenaga demi kemajuan ACIS. Kebajikan staf diberi perhatian dengan menyediakan sumbangan melalui Badan Kebajikan ACIS/ KEKWA.

Kepimpinan Kanan sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan keperluan organisasi dari aspek prasarana dan kemudahan staf. Penaiktarafan Bangunan Cempaka 4 dan 5 melibatkan pejabat pentadbiran akademik, bilik pensyarah, bilik mesyuarat, bilik pasca siswazah dan bilik kuliah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang kondusif sebagai usaha menjaga kebajikan staf. Buktinya pengurusan ACIS berjaya mendapat dana RM2 Juta bagi penambahbaikan Bangunan Cempaka 4: Lampiran 1.2(2). Kepimpinan Kanan juga peka terhadap setiap aduan/maklumbalas yang diterima dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan ACIS. Kajian *UiTM Happiness Index* (UHI) yang disediakan turut diambil kira untuk tujuan penambahbaikan dan perbandingan dengan organisasi lain dalam UiTM.

Pemantauan

Kepimpinan Kanan ACIS menggalakkan penghayatan sahsiah mulia, beretika dan mematuhi peraturan, prosedur serta undang-undang universiti. Ianya bertujuan memupuk persekitaran

kerja bernilai murni dan mematuhi perundangan universiti. Antara perkara yang sentiasa ditekankan ialah pematuhan kepada integriti, Akta 605 (Tatatertib dan Surcaj), keberadaan serta peraturan Clock in/out. Penyampaian ini diberikan dalam Perhimpunan Bulanan, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pentadbiran serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di ACIS.

Audit Dalam dan Audit Luar dilaksanakan bagi tujuan pemantauan. Unit Kulaiti di ACIS membantu Kepimpinan Kanan dalam membudayakan kualiti dalam perkhidmatan terutamanya yang melibatkan KOMUNITI.

Tindakan Penambahbaikan

ACIS sangat komited melaksanakan penambahbaikan terhadap sumber manusia dan perkhidmatan yang diberikan. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS serta diambil tindakan penambahbaikan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN & PERANCANGAN

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) ditubuhkan secara rasmi pada 21 Mei 2013 hasil daripada penstrukturan semula Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pusat pentadbiran utama ACIS bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, manakala pejabat akademik dan bilik kuliah terletak di Bangunan Cempaka 5 dan Cempaka 4. Pentadbiran ACIS diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan KOMUNITI (PJI), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran). Bermula pada Ogos 2019, berlaku pemisahan entiti di mana Bahagian Zakat, Sedekah & Waqaf dan Bahagian Hal Ehwal Islam dikeluarkan daripada sistem pengurusan ACIS. Dengan penstrukturan baru ini, ACIS bergerak dengan penuh efisien bagi merancang usaha-usaha untuk mencapai KPI-KPI yang ditetapkan terutamanya berkaitan dengan Bidang Tumpuan iaitu Jaringan Alumni, **Komuniti** dan Kesukarelawan (**J4KK**) yang diterjemahkan melalui TEMA **ACIS WoW 2 Assist**.

Fokus ACIS ialah menjadi sebuah akademi tersohor dan pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian Islam kontemporari serta pusat perkhidmatan Islam yang efisien. Kepimpinan Kanan ACIS menyusun perancangan strategik dalam mewujudkan jaringan KOMUNITI bagi memantapkan peranan ACIS serta membantu memenuhi kehendak KOMUNITI terutamanya dalam **Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer)** dan **Penyelesaian Masalah (Problem Solving)**. Perkara ini juga menghasilkan output yang baik apabila ianya juga memberi manfaat kepada staf ACIS (dengan mendapat geran penyelidikan, perundingan dan mobiliti) dan pelajar ACIS.

Bagi memperkasakan hubungan antara KOMUNITI bersama ACIS, dengan tema **ACIS WoW 2 Assist**: perancangan teliti dibuat bagi mencapai tiga hasil yang relevan dengan KOMUNITI iaitu:

Hasil Pertama: Kategori Perancangan Strategik:

>> **ACIS & Keterlibatan Komuniti** (Fokus kepada staf ACIS dan Komuniti)

Hasil Kedua: Kategori Tumpuan Pelanggan:

>> **Pelajar Berilmu & Bertaqwa, Asas Komuniti Sejahtera**

(Fokus kepada pelajar untuk berkhidmat kepada komuniti)

Hasil Ketiga: Kategori Sumber Manusia:

>> **Sinergi Sumber Manusia, Pemangkin Pembangunan Komuniti** (Gabungan staf, pelajar dan komuniti)

Perancangan seterusnya adalah: Kepimpinan Kanan ACIS menggunakan kaedah yang sistematik dalam mencapai keputusan utama secara telus dan kolektif melalui mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik fakulti (JAF), Mesyuarat Staf Akademik, mesyuarat Pentadbiran dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Dalam mesyuarat utama ini juga dibincangkan berkaitan kolaborasi jaringan KOMUNITI contohnya perancangan MOU/MOA.

Bagi memastikan maklumat, keputusan utama dan maklumbalas disampaikan dengan tepat, kepimpinan kanan berkomunikasi secara dua hala dan membina hubungan baik dengan staf. Dasar "top to down" dan "down-to top" diamalkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran dapat disampaikan dengan jelas dan telus melalui kaedah komunikasi dua hala.

Kepimpinan kanan juga menitikberatkan pembudayaan inovasi dalam perkhidmatan serta perkongsian ilmu. Staf digalakkan melibatkan diri bersama KOMUNITI dan juga industri bagi mempergiatkan usaha visibiliti ACIS di samping berkongsi kepakaran staf ACIS bersama KOMUNITI. Pelbagai inovasi program dan aktiviti dalam dan luar negara dilaksanakan oleh warga ACIS bagi memenuhi tujuan tersebut (Lampiran 1.2 - Bukti B4 dan B05)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_K01_KB02_20241_IC2024_K01_Kepimpinan B01-1.2.1 Model 5P.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB02_20242_IC2024_K01_Kepimpinan B02- 1.2.2 SURAT KELULUSAN JBPNP BIL1.2023_ACIS.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB02_20243_IC2024_K01_KEPIMPINAN B03- 1.2.3 Carta Organisasi dan Mesyuarat Utama ACIS.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB02_20244_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B04 Projek Komuniti ACIS 2023.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB02_20245_IC2024_K01_KEPIMPINAN- B05 Pengantarabangsaan ACIS 2023.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan meneliti perancangan yang telah ditetapkan oleh CSPI/BTU dan menfokuskan kepada Pelan Perancangan Strategik ACIS dan juga Amanat Naib Canselor UiTM dan KPT untuk mencapai sasaran (KPI) yang telah ditetapkan (Lampiran 1.3.1)

Perbincangan awal diadakan bagi menetapkan pembahagian kumpulan pelaksana/pengurus projek termasuk yang fokus kepada Jaringan KOMUNITI melalui MOU/MOA serta aktiviti sempena kolaborasi jaringan KOMUNITI. Kemudian perbincangan secara bulanan diadakan bagi mengenalpasti tahap pencapaian sasaran yang telah dipenuhi. Bagi sasaran yang belum dicapai, maka perbincangan diadakan bagi mencari solusi agar penambahbaikan dilakukan dari masa ke masa agar sasaran dapat dicapai sebelum hujung tahun (Lampiran 1.3.2 dan 1.3.3)

Bagi **TUJUAN PERLUASAN**, memperkukuhkan bidang tumpuan Jaringan KOMUNITI, ACIS berusaha **melibatkan semua staf dan pelajar bagi merancang dan melaksanakan jaringan KOMUNITI dan MOU/MOA** yang berpotensi untuk dilaksanakan **SERTA MELIBATKAN KESELURUHAN UiTM DAN PEMEGANG TARUH yang terlibat dengan ACIS DALAM DAN LUAR NEGARA**. Taklimat berkaitan tugas staf yang terlibat sebagai "Person In Charge" serta KPI aktiviti telah dilakukan oleh Kepimpinan Kanan ACIS bagi memastikan jaringan KOMUNITI tersebut dapat dilaksanakan dengan sistematik. Keperluan kerjasama ahli bersama ketua yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti MOU/ MOA membantu dalam melancarkan perancangan ini.

Kepimpinan Kanan ACIS juga berkongsi Objektif dan Inisiatif Strategik ACIS ini bersama warga ACIS dan juga seluruh warga UiTM terutamanya melibatkan perkongsian ilmu dan kepakaran dan rujukan berkaitan isu dan persoalan kontemporari berkaitan agama Islam samaada dalam aspek akademik atau kemasyarakatan. Perkongsian ini termasuk dilakukan bersama rakan KOMUNITI dalam dan luar negara.

Perancangan strategik dibuat pada awal semester untuk mengenalpasti target BTU KPI dan pelaksanaan jalinan usahasama antara TD dan Koordinator serta staf ACIS bagi memastikan aktiviti jaringan KOMUNITI dapat dilaksanakan dengan baik. Struktur organisasi dibentuk di kalangan pensyarah dan pelajar untuk menjalankan setiap program dan inisiatif sepanjang tahun dengan milestone yang telah ditetapkan. Untuk mencapai setiap BTU, Penyelaras BTU akan membuat penyelarasan setiap staf dan pelajar yang terlibat di dalam menjayakan program yang khusus untuk setiap PI. Ini kerana setiap PI mempunyai terma yang berlainan. ACIS memastikan setiap program yang mencapai BTU dipohon awal semester untuk mengelak masalah kelulusan dan bajet. Penyelaras akan kemaskini setiap bulan dan menyerahkan laporan terkini kepada ketua PSTU.

Pelaksanaan perluasan kesemuanya ini adalah meluas kepada semua Jabatan dalam PTJ, dalam seluruh kampus UiTM kerana ACIS berada di SEMUA KAMPUS UiTM, dan ianya diperluaskan kepada luar UiTM dalam komuniti termasuk luar negara (bukti Luar negara boleh dilihat dilampiran yang telah diberikan di bahagian 1.2 Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB03_20241_IC2024_K01_KEPIMPINAN_B01-1.3_Pencapaian KPI BTU ACIS-Komuniti.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB03_20242_IC2024_K01_KEPIMPINAN- B02-1.3 RESOLUSI ACIS 2022-2025.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB03_20243_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B03-1.3 SAMPLE DEPLOYMENT](#)

[DALAM DAN LUAR NEGARA.ppt](#)

4. [F0052_K01_KB03_20244_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B04-1.3 Contoh Minit MPD.pdf](#)

5. [F0052_K01_KB03_20245_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B05-1.3 PPS ACIS
2025-KOMUNITI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan ACIS sentiasa menitikberatkan pemantauan melalui pelaksanaan SPK yang berkesan. **Pemantauan dilaksanakan dan hasil pemantauan dianalisa.** Kemudian ianya akan diwar-warkan kepada staf dalam Himpunan Bulanan/Mesyuarat Staf Akademik termasuk kepada Pemegang Taruh.

Setiap bahagian, unit, koordinator dan penyelaras bertanggungjawab merangka, melaksana dan menyediakan laporan aktiviti / program. Di antara mekanisme dan pendekatan pemantauan kepimpinan ACIS:

i. Mesyuarat Eksekutif / Pengurusan Kanan

1. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

iii. Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)

1. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti
2. Mesyuarat Unit
3. Mesyuarat Pentadbir
4. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia
5. Audit Dalaman
6. Audit InQKA
7. Audit MQA
8. Penilaian Prestasi / SKT

(Lampiran bukti di bahagian Ini dilampirkan Contoh MKSP- Audit Luar IQMS. Manakala contoh lain berkaitan diberi pada bahagian lain :contoh Minit mesyuarat MPD di bahagian 1.3 dan laporan Eksekutif Audit Dalam di bahagian 1.4.3 dan Audit Dalam di bahagian 1.4.2)

Bagi memastikan **komitmen pemantauan ini berterusan, jawatankuasa di peringkat ACIS memastikan perilaku beretika dan memastikan pematuhan kepada peraturan UiTM / ACIS.**

Antara Jawatankuasa pemantauan ditubuhkan kepimpinan ACIS:

i. Jawatankuasa Integriti: Wakil ACIS dalam program integriti dan memastikan staf patuh kepada peraturan khususnya yang melibatkan integriti

ii. Jawatankuasa Latihan: memastikan staf ACIS memenuhi 42 jam latihan

iii. Jawatankuasa Kualiti: Wakil ACIS memastikan staf mematuhi prosedur kualiti pengurusan dan PKO serta melaksanakan audit

iv. Bahagian Pentadbiran ACIS: memastikan semua staf diwajibkan membuat akujanji, memastikan staf membuat pengisytiharan harta setiap lima tahun, memastikan pematuhan kepada keberadaan dan kad perakam waktu diketik

Kesemua usaha dan tindakan ini adalah untuk memastikan bahawa **Pemantauan dilaksanakan dan hasil pemantauan dianalisa bagi penambahbaikan dan dimaklumkan kepada staf, pelajar dan pemegang taruh ACIS.**

GENERAL POINT

1. [F0052_K01_KB04_KC01_20241_IC2024_K01 KEPIMPINAN-B01-1.4.1 PI BTU.n PENCAPAIAN ACIS 2020-2023.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC01_20242_IC2024_K01 KEPIMPINAN-B02-1.4 MINIT MKSP BIL 1 2023.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC01_20243_IC2024_K01 KEPIMPINAN B03-1.4.1 Ahli Mesyuarat Utama ACIS.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC01_20244_IC2024_K01 KEPIMPINAN -B04 -1.4.1 LAPORAN RISIKO.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC01_20245_IC2024_K01 KEPIMPINAN-B05-1.4.1 MAKLUMBALAS ACIS-AUDIT IQMS 2023.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sangat menitikberatkan berkaitan pengurusan risiko di ACIS. Terdapat **jawatankuasa Pengurusan Risiko** di ACIS yang bertanggungjawab menguruskan hal ini. Pelan Tindakan Risiko ACIS juga telah dibangunkan. Ianya diwujudkan bagi mengelakkan impak negatif kepada ACIS serta perancangan dan pelaksanaan jaringan KOMUNITI dan keushawanan ACIS.

Aspek ketelusan menjadi satu keperluan dalam memberikan keyakinan kepada pihak berkepentingan terutama dalam **jaringan KOMUNITI** dan penglibatan aktiviti **KESUKARELAWAN ACIS dalam program-program KOMUNITI**. Bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan, hubungan erat dan perkongsian maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan pihak berkepentingan dipraktikkan oleh kepimpinan kanan melalui pelaporan dan pembentangan bagi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam mesyuarat tertinggi universiti. Kepimpinan Kanan berperanan memaklumkan operasi pengurusan dan perancangan sesuatu projek melalui mesyuarat penyelarasan dengan lembaga governan seperti Mesyuarat Senat, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP).

Dalam mentadbir urus, pihak berkepentingan yang mempunyai jaringan KOMUNITI dan penglibatan kesukarelawan diberi pertimbangan yang saksama di mana kepimpinan kanan mengorak langkah dengan mengenalpasti keperluan pelanggan (pelajar dan staf). **Jalinan hubungan dengan pihak berkepentingan dilaksanakan melalui komunikasi dua hala bertujuan mengelakkan percanggahan kepentingan, maklumat tepat dan memastikan maklumbalas diperolehi.**

Usaha yang dijalankan telah membuktikan bahawa Daftar Risiko telah diwujudkan, dinilai dan dianalisa. Kawalan Rancangan bagi kawalan risiko juga telah dilaksanakan. Data dan maklumat dikumpul dan dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Hasil penganalisaan diambil tindakan dengan efisien dan efektif.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB04_KC02_20241_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B01-1.4.2 PELAN TINDAKAN PENYEDIAAN DAFTAR RISIKO ACIS 2022.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC02_20242_IC2024_K01_KEPIMPINAN -B02-1.4.2 LAPORAN RISIKO.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC02_20243_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B03-1.4.2 JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ACIS 2023-2024.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC02_20244_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B04-1.4.2 MKSP MAKLUMBALAS BPPA.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC02_20245_IC20204_K01_KEPIMPINAN-B05-1.4.2 SURAT KELULUSAN JBPNP BIL1.2023_ACIS.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa melakukan semakan pengukuran pencapaian bagi mengenalpasti tindakan susulan. Pengukuran dibuat berdasarkan analisa pencapaian objektif kualiti semasa, keputusan dalam mesyuarat MKSP dan MPD, laporan aduan dan maklum balas pelanggan dan juga laporan Happiness Index ACIS. Oleh itu, fokus kepada tindakan penambahbaikan bagi mencapai objektif organisasi, menambahbaik pencapaian dan mencapai visi organisasi dilaksanakan melalui tindakan seperti: Pencapaian BTU ACIS, Pengukuran dan penambahbaikan ICAN bagi mencapai **Bidang Tumpuan: KOMUNITI**, Piagam Pelanggan ACIS dan Objektif Kualiti ACIS.

Kepimpinan Kanan ACIS menekankan akauntabiliti dalam tindakan pengurusan melalui tindakan seperti berikut:

- i. **Merangka Perancangan** Strategik dan melaksanakannya;
- ii. Memastikan setiap staf mempunyai sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk dicapai setiap tahun;
- iii. Membuat semakan dan tindakan penambahbaikan terhadap sasaran yang tidak memenuhi KPI; dan
- iv. Memaklumkan dan menyebarkan tanggungjawab perkhidmatan melalui brosur, emel, laman sesawang, taklimat program dan mesyuarat di peringkat jabatan/ACIS.

Analisa dan penambahbaikan ini dijadikan pembelajaran kepada Kepimpinan Kanan dan juga staf ACIS agar perancangan seterusnya dapat dimantapkan dan diperkemaskan lagi. Ianya amat penting bagi memastikan pengukuran dapat dibuat dengan sistematik dan relevan serta pencapaian dapat dihasilkan dengan efektif dan efisien. Ini dapat dibuktikan apabila pencapaian BTU ACIS 2023 adalah meningkat daripada pencapaian BTU ACIS 2020 dan 2021. Kesemua usaha dan tindakan ini dalam untuk memastikan bahawa **Pemantauan dilaksanakan dan hasil pemantauan dianalisa bagi penambahbaikan dan dimaklumkan kepada staf, pelajar dan pemegang taruh ACIS.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB04_KC03_20241_IC2024_K01_K01_KEPIMPINAN-B01-1.4.3 Eksekutif Report AUDIT DALAM ACIS 2023.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC03_20242_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B02-1.4.3 JK Tatatertib Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC03_20243_IC2024_K01_K01_KEPIMPINAN-B03-1.4.3 Happiness Index ACIS 2023.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC03_20244_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B04-1.4.3 Obj Kualiti n Program Komuniti.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC03_20245_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B05-1.4.3 Peranan Audit Dalam ACIS.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan jabatan melalui penumpuan kepada Sistem 5P Holistik ACIS dan perancangan serta pencapaian BTU ACIS yang selari dengan transformasi UiTM 2025. Di samping itu, Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan inisiatif berikut bagi pemantapan ACIS agar kekal relevan dan dapat mempertingkatkan kehendak Jaringan KOMUNITI dan keusahawanan terhadap ACIS dalam aspek

Pembangunan Akademik

- Menawarkan kursus wajib universiti di seluruh peringkat
- Menawarkan program Sarjana dan PhD secara penyelidikan
- Menawarkan program baru Diploma Muamalat, Diploma Pengurusan Halal/Sarjana Muda Muamalat
- Penawaran Program dengan kerjasama Fakulti, contoh : Sarjana Muda Pengurusan Hartanah Islam (ACIS & FSPU), Sarjana Muda Perakaunan Islam (ACIS & Fakulti Perakaunan)

Pembangunan Staff

- Meningkatkan bilangan pemegang PhD
- Meningkatkan bilangan penyelidik dan jumlah penyelidikan
- Meningkatkan jumlah perundingan dan dana.
- Membanyakkan penulisan & penerbitan
- Latihan Staf Akademik

Pembangunan Pelajar

- latihan KOMUNITI
- program pemantapan pelajar
- program keusahawanan

Pembangunan Jaringan KOMUNITI & Keusahawanan

- Mengadakan MOU/MOA dengan KOMUNITI
- Pemerksaan URUS/PUSKAM /HART dan IkaZ
- Pemerksaan ICAN dan MASMED ACIS
- Pemantapan program-program KOMUNITI ACIS

ACIS.NET. COMMUNITY yang diwujudkan adalah sebagai penambahbaikan yang diinovasikan bagi memperkasa Jaringan Komuniti ACIS 2023-2025 yang bertemakan: **ACIS WoW 2 Assist.**

ACIS juga memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui penghargaan lisan dan penganugerahan berdasarkan pencapaian prestasi serta sumbangan kepakaran dalam memperkasakan ACIS dan juga jaringan KOMUNITI serta keusahawanan di ACIS. ACIS juga memberi insentif kepada mereka yang terlibat dalam penulisan. Ini penting bagi memberi semangat kepada staf untuk terus maju dan menjadi pencetus warga ACIS turut cemerlang

pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB05_20241_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B01-1.5 PI BTU n PENCAPAIAN ACIS 2020-2023.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB05_20242_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B02-1.5 PPS - ACIS.NET.COMMUNITY.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB05_20243_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B03-1.5 MOU ACIS_SENARAI NAMA PIC DAN AJK PROJEK MoU MoA ACIS.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB05_20244_IC2024_K01_KEPIMPINAN_B04-1.5 Sample Program KOMUNITI ACIS 2023.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB05_20245_IC2024_K01_KEPIMPINAN-B05-1.5 LAPORAN KOMUNITI ACIS DEC 2023.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik UiTM 2025 telah dirangka dengan teliti, berlandaskan beberapa inisiatif strategik yang berwawasan tinggi bagi memacu pembangunan pendidikan dan negara. Antara inisiatif tersebut termasuklah Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Polisi Nasional Industri 4.0, serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) iaitu **SDG 4: (Pendidikan berkualiti)** dan **SDG 11: (Komuniti dan bandar yang lestari)**. Selain itu, pelan ini turut dipetakan dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) 2021-2025, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Kerangka Malaysia MADANI iaitu (**KERANGKA 1: KEMAMPAHAN**), merujuk kepada **KEMASYARAKATAN** dan Hala Tuju Strategik RMK-10 UiTM.

Perancangan Strategik ACIS 2025 terhadap bidang tumpuan **Jaringan Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)** diterjemahkan melalui **TEMA ACIS WoW 2 Assist**.

Perancangan

ACIS TELAH MERANCANG PELAN STRATEGIK ACIS 2022-2025 (PSA) yang diformulasi selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Bengkel Perancangan Strategik telah diadakan pada 26-28 September 2022 bagi menyediakan **Dokumen PSA ACIS selama Empat Tahun iaitu 2022-2025**. Bagi mencapai **PSA**, Pengurusan Kanan ACIS membentuk Objektif Strategik (OS) dan inisiatif strategik. OS tersebut ialah **OS 8** iaitu "Memastikan **kecemerlangan ilmu** dengan mengkomersilkan satu produk hasil penyelidikan dan memastikan kecemerlangan dalam pemindahan melalui pengkomersilan produk hasil penyelidikan dan **perundingan kepakaran**". Manakala inisiatif strategik yang dirangka adalah melalui projek **ACIS.NET INDUSTRY** dan **ACIS.NET COMMUNITY** untuk mencapai sasaran prestasi (J4KK). Manakala dua objektif utama di bawah **ACIS.NET COMMUNITY** adalah

- i) Mengendalikan program jaringan yang dinamik antara ACIS dan komuniti (masyarakat & NGO), dengan kolaborasi yang strategik bersama industri dan komuniti.
- ii) Menyebarluaskan ilmu dan berkongsi kepakaran ACIS dengan masyarakat setempat secara holistik dan bersepadu.

Pelaksanaan

ACIS **TELAH melaksanakan** Pelan Strategik dengan menyebarkan PSA melalui beberapa platform dan aktiviti yang bersepadu melalui **10** daripada **69 PI** selaras dengan perancangan hala tuju dan sasaran prestasi (**J4KK**). Sepanjang tahun 2023, antara platform yang **telah dilaksanakan** melalui amanat dekan (disampaikan dalam perhimpunan bulanan), mesyuarat akademik dan mesyuarat pengurusan dalaman (MPD). Manakala aktiviti dengan keterlibatan seluruh warga fakulti dilaksanakan dengan lawatan Dekan ke seluruh Cawangan ACIS, Industri berkaitan, dan Program Pemindahan Maklumat (KTP) di Pulau Pangkor yang meliputi mobiliti bersama komuniti dan alumni.

Penilaian & Pemantauan

Pihak pengurusan tertinggi ACIS telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu Unit Pengurusan Risiko bagi **menilai** dan **memantau** status risiko yang merangkumi **risiko strategik, kewangan dan operasi**. Pengarah Projek membentangkan Status pelaksanaan dan pencapaian projek secara **berkala** kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Kemudian ianya disebarluaskan kepada seluruh staf ACIS agar lebih memahami hala tuju UiTM dan ACIS secara jelas.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan ACIS sentiasa komited dalam memastikan semua kumpulan sasar terlibat dalam proses perancangan **penambahbaikan** mengaplikasikan **kaedah ADLI** melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pengurusan Dalaman dan Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Penggantian ACIS. Budaya **integrasi** ini dilakukan terutama bagi memastikan MoU bersama NGO dan Industri, Program Pemindahan Ilmu (KTP)

bersama Komuniti serta Penyorotan dapat direalisasikan dan diwujudkan kepada pihak terbabit. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu **Jaringan Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)** . Proses mengkaji semula risiko dan tindakan penambahbaikan telah menghasilkan **inovasi** proses **PSA**.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras dengan **PSA** dalam bidang tumpuan **Jaringan Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK)** dan seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) iaitu **SDG 4: (Pendidikan berkualiti)** dan **SDG 11 : (Komuniti dan bandar yang lestari)** (**Bukti_2.2_B01**), **2 projek** telah **dirancang** dengan **sistematik** iaitu **ACIS.NET INDUSTRI PEMEGANG TARUH** dan **ACIS.NET COMMUNITY** (**Bukti_2.2_B02(N)**) bagi mencapai **OS 7** (Memastikan nilai **geran penyelidikan** mencapai RM1 juta menjelang 2025) & **OS 8** (Memastikan kecemerlangan dalam **pemindahan ilmu** dengan mengkomersialkan satu produk hasil penyelidikan dan **perundingan kepakaran**). Ia dipetakan selaras dengan **7 PI** (**PI028, PI074, PI075, PI076, PI077, PI078, PI079**) (**Bukti_2.2_B03**).

Kesemua PI ini dirancang melalui pelantikan PIC bagi setiap **MOU** bersama pihak industri (**Bukti_2.2_B04**). Kemudian dilaksanakan **MOA** bagi **MOU** yang telah dimeterai. Aspek **penilaian & pemantauan** diberi perhatian secara berkala oleh pihak pengurusan bagi memastikan perancangan berjalan mengikut garis masa yang telah disusun. Inisiatif strategik akan disemak semula dan ditambah jika frekuensi petunjuk prestasi (PI) tidak mencapai sasaran dikehendaki. Risiko ketidakpatuhan terhadap proses ini diminimumkan dengan kewujudan borang maklum balas program dan pembentangan pencapaian semua perancangan dalam Mesyuarat Pengurusan bagi tujuan **penambahbaikan**.

Antara pendekatan yang telah dilaksanakan ialah:

PENDEKATAN 1: PROGRAM ACIS.NET INDUSTRY & PEMEGANG TARUH

Selaras dengan **PSA**, ACIS telah melaksanakan pendekatan **sistematik** dengan mewujudkan, melaksanakan, memantau menganalisa, semak semula dan tambah baik melalui **PROGRAM ACIS.NET INDUSTRY**. Empat (4) objektif pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan **VISIBILITI UiTM**.
- ii) Membina hubungan sinergi yang erat dikalangan ahli akademik, pihak kementerian dan industri.
- iii) Menjalinkan hubungan baik dengan kementerian dan industri untuk keperluan pemasaran pelajar mengikut keperluan semasa.
- iv) Meningkatkan keupayaan ahli akademik dan industri dengan menghubungkan jalinkan kajian diperingkat universiti kepada industri dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Kolaborasi strategik ACIS terjalin bersama pihak industri iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB), Maybank, Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), Islamic Relief Malaysia (IRM), Koperasi Kakitangan UiTM BHD, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Pusat Zakat Sabah (Caw. Sabah) dan Yayasan Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa (Faqeh) (**Bukti_2.2_B05**). Kolaborasi dan kerjasama strategik antara ACIS dengan pihak industri menghasilkan **geran penyelidikan** berjumlah **RM** bagi melaksanakan **PROGRAM ACIS.NET COMMUNITY** yang merupakan **inovasi** melalui program **pemindahan ilmu** kepada **komuniti**.

PENDEKATAN 2: PROGRAM ACIS.NET COMMUNITY

Selaras dengan **PSA**, ACIS yang telah melaksanakan pendekatan **sistematik** dengan mewujudkan, melaksanakan, memantau menganalisa, semak semula dan tambah baik melalui **PROGRAM ACIS.NET COMMUNITY**. Dua (2) objektif pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i) Menguruskan program jaringan antara ACIS bersama komuniti (masyarakat & NGO).
- ii) Berkongsi dan menyebarkan ilmu bersama masyarakat setempat berdasarkan kepakaran ACIS.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti di atas ACIS telah mempunyai perancangan strategik melalui **PENDEKATAN** yang **sistematik** dengan mengambil kira aspek **inovasi** dan perkongsian serta **pemindahan ilmu** pengetahuan (melalui pelaksanaan, analisa data,

penilaian semula dan tambahkan data pencapaian 2 program selaras dengan U4RN.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_P01_PB02_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B01.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB02_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B02\(N\).pdf](#)
3. [F0052_P01_PB02_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B03.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB02_20244_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B04.pdf](#)
5. [F0052_P01_PB02_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B05.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik pelaksanaan program dirangka sejajar dengan hasrat negara dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG; 4 & 11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025. Ia juga selari dengan hasrat KPT melalui Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) dan matlamat UiTM dalam Pelan Strategik UiTM 2025 melalui **J4KK**. Ia dilaksanakan secara **terancang dan menyeluruh** di semua **sistem UiTM**.

Dalam konteks pelaksanaan di ACIS perluasan inisiatif ini dilaksanakan melalui:

2.3.1 Mesyuarat Akademik dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)

Pemakluman hala tuju dan inisiatif ACIS dalam **J4KK** dibentangkan dalam Mesyuarat Akademik dan dipantau dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman secara berkala merangkumi PSA, PI dan OS. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ACIS bersama semua Ketua Pusat Pengajian ACIS seluruh sistem UiTM juga turut dilaksanakan di UiTM Cawangan Kedah. Hasil mesyuarat **dikongsikan bersama ACIS Cawangan seluruh Malaysia (Bukti_2.3_B01)**.

2.3.2 Lawatan Dekan & Pengurusan Tertinggi ke ACIS cawangan **seluruh Malaysia**

Perancangan Strategik ACIS 2022-2025 dibentangkan oleh dekan & timbalan-timbalan dekan secara bersemuka kepada cawangan ACIS di Perak, Dengkil, Kelantan, Kedah, Penang, Terejngganu dan Perlis. Ini bagi memberi ruang dan peluang kepada staf di cawangan untuk mengetahui, memberi maklum balas dan melaksanakan inisiatif Jaringan Industri mengikut kemampuan dan jaringan di peringkat lokaliti masing-masing. Ia dapat di lihat melalui (*Lampiran B01*)

2.3.3 Lawatan Dekan & Pengurusan Tertinggi ke Industri dan IPT

Bagi merencanakan **J4KK** dan mendapat jaminan kepercayaan daripada pemegang taruh dan industri, lawatan pengurusan tertinggi ACIS dilaksanakan dengan **anggaran 38** kali termasuklah dalam dan luar negara sepanjang 2022. Ia merangkumi pelbagai kategori seperti agensi/ GLC (MAIN, JAIS), IPTA/ IPTS dalam negara (USIM, UMEC) dan luar negara (UNJakarta, UNISSA Brunei, DOST Philipina), industri dalam negara (YBIM, MyAngkasa Berhad, ASWA Advisory, ISS SDN BHD) dan luar negara (Japan Da'wah Centre) serta lain-lain seperti di (**Bukti_2.3_B02**).

2.3.4 Program Pemindahan Maklumat (KTP) di Pangkor

Salah satu kejayaan dalam inisiatif **J4KK** adalah program KTP-PPAB40 Pulau Pangkor iaitu Program Pembangunan Penjaja Asnaf dan B40. Program ini ditaja oleh Maybank dengan hasrat untuk memenuhi pemindahan ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh para pensyarah kepada komuniti. Ia juga melibatkan staff, agensi dan komuniti setempat. Program ini terhasil daripada MOU UiTM bersama Maybank dan dimeterai melalui Dokumen Perjanjian PnP (*Project Management Plan*) di peringkat ACIS seperti di (**Bukti_2.3_B03**).

2.3.5 Program KTP-USR Kembara Korban 1001 Asnaf

ACIS telah berkolaborasi dengan YBIM melalui MOA bagi menjayakan inisiatif **J4KK** yang melibatkan aktiviti bersama komuniti Malaysia dan antarabangsa. Program yang dilaksanakan di **seluruh peringkat UiTM** ini membolehkan projek korban dilaksanakan oleh staf dan alumni UiTM serta masyarakat dalam skala yang besar (**Bukti_2.3_B04**).

2.3.6 Program Karnival Pemantapan Syariah dan Ukhuwwah ACIS-PNB

Kejayaan seterusnya melalui inisiatif J4KK adalah melalui Karnival Pemantapan Syariah dan Ukhuwwah ACIS-PNB (KaPSU) yang diadakan di Masjid Ar Rahimiah dan Hospital Tengku

Ampuan Rahimah Klang. Ia adalah program **peringkat UiTM** yang diselaraskan dengan TNC Penyelidikan, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Program ini ditaja sepenuhnya oleh PNB hasil MOA yang telah dimeterai. Ia bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan transformasi ilmu dalam kalangan staff ACIS kepada komuniti Taman Sri Andalas dan orang asli Kampung Air Kuning (**Bukti_2.3_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB03_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3_B01.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB03_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3_B02.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB03_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB03_20244_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3_B04.pdf](#)
5. [F0052_P01_PB03_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2_B05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semakan semula perancangan strategik (PS) semasa Bengkel PSA, ACIS TELAH merancang DUA (2) PSA beserta objektif bagi mencapai 10 petunjuk prestasi (PI) di bawah seliaan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (TD PJI ICAN) (**Bukti_2.4.1_B01**). ACIS TELAH menjalankan **PEMANTAUAN** terhadap pelaksanaan inisiatif utama tersebut dan perluasan **Strategic Action Plan (SAP)** dengan menggunakan mekanisme berikut:

Mekanisma 1:

PEMANTAUAN pencapaian & keberkesanan **J4KK dan OS** berdasarkan pelaporan pencapaian yang melibatkan 10 PI di bawah peneraju TD PJI ICAN. Pengumpulan data pencapaian setiap 10 PI yang TELAH disahkan oleh pemegang PI bidang tumpuan (BT) dan seterusnya dilapor kepada setiap PTJ oleh BTU (**Bukti_2.4.1_B02**). Data pencapaian yang **TELAH DIANALISA** digunakan dalam perbincangan bagi mencapai keputusan kolektif dan **PENAMBAHBAIKAN** bagi setiap risiko dan permasalahan yang timbul. Ini dilakukan bagi memastikan **HASIL INISIATIF** yang TELAH dirangka mencapai sasaran **selaras** dengan **aspirasi J4KK** dan teras strategik universiti.

Mekanisma 2:

PEMANTAUAN BERKALA J4KK dan OS dilakukan oleh bahagian pengurusan yang melibatkan Dekan, Timbalan Dekan, Penyelaras PSA dan Penolong Pendaftar dibincangkan dan diambil tindakan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD) dan Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan Jaringan Industri (MPPJI) (**Bukti_2.4.1_B03**). Setiap Laporan Program Jaringan Industri ini perlu dilaporkan secara bulanan bagi tujuan **MEMANTAU** program-program jaringan industri sepanjang tahun seiring dengan **J4KK dan OS**.

Mekanisma 3:

Maklumat **J4KK dan OS** TELAH dijalankan dan **DISEBARLUASKAN** kepada semua pensyarah dan staf ACIS oleh Dekan dan TD PJI melalui Perhimpunan Bulanan ACIS (**Bukti_2.4.1_B04**) bagi memastikan **PEMANTAUAN** gerak kerja secara dasar dilaksanakan dan disumbangkan oleh semua pensyarah agar hala tuju UiTM dan ACIS difahami secara jelas.

Mekanisma 4:

PEMANTAUAN berdasarkan hasil dapatan audit. Berdasarkan laporan audit pada 2023, tiada sebarang penemuan ketidakpatuhan yang dilaporkan berhubung BT dalam Audit Dalam dan Audit Penilaian Luar 2023 (**Bukti_2.4.1_B05**).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, ACIS TELAH melaksanakan pelan **PEMANTAUAN** terhadap **J4KK dan OS** yang berkesan. ACIS juga TELAH melibatkan semua kumpulan sasar dalam proses perancangan **PENAMBAHBAIKAN**.

SENARAI BUKTI:

- [1. F0052_P01_PB04_PC01_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1_B01.pdf](#)
- [2. F0052_P01_PB04_PC01_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1_B02.pdf](#)
- [3. F0052_P01_PB04_PC01_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1_B03.pdf](#)

[STRATEGIK_2.4.1_B04.pdf](#)

5. [F0052_P01_PB04_PC01_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN_STRATEGIK_2.4.1_B05.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pihak pengurusan tertinggi ACIS telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu Unit Pengurusan Risiko bagi **MENGenalPASTI dan MEMANTAU** status risiko secara berterusan dan mewujudkan pelaksanaan pelan tindakan kawalan risiko di PTJ.

Bengkel Perancangan Strategik ACIS telah **MENGenal PASTI, MENDOKUMENTASI, MENGANALISA dan MENGATASI** risiko yang mempengaruhi pencapaian sasaran DUA (2) PSA BT di mana ia TELAH **DIDOKUMENKAN** dalam Laporan Risiko ACIS 2023 (**Bukti_2.4.2_B01**). Terdapat 3 kategori risiko iaitu **Risiko Strategik, Risiko Operasi dan Risiko Kewangan**.

Perincian risiko seperti di bawah:

1. Risiko Strategik - Kekangan Tidak Mencapai KPI Geran Penyelidikan (Antarabangsa dan Industri): Antara faktor kepada risiko ini adalah (i) Tiada permohonan sebagai *Principle Investigator* (PI) dari pensyarah untuk geran antarabangsa, dan (ii) Permohonan beberapa geran FRGS dan MyRA yang tidak berjaya. Implikasinya, banyak pencapaian PJI yang terjejas.

Bagi Risiko Pertama, Pengurusan Tertinggi ACIS TELAH mengambil **INISIATIF** menganjurkan beberapa bengkel penulisan iaitu 2 SLOT *PRE-SYNERGY* & 1 SLOT *SYNERGY SYNDICATED WRITING NURTURE FOR HIGH IMPACT JOURNAL* serta BENGKEL LANJUTAN METODOLOGI PENYELIDIKAN (**Bukti_2.4.2_B02**) untuk MEMPERKASA kemahiran penulisan kertas cadangan (*proposal*) dan menambah dana peruntukan geran dalaman fakulti untuk menggalakkan penglibatan pensyarah. Kita juga mewujudkan **INSENTIF** untuk pensyarah yang BERJAYA menamatkan geran dan memenuhi Petunjuk Prestasi BT sebagai usaha meningkatkan motivasi dalam kalangan staf (**Bukti_2.4.2_B03**).

2. Risiko Operasi - Kekurangan Tenaga Penggerak: Antara faktor kepada risiko kedua ini adalah (i) Kekurangan sumber tenaga pengajar akibat pencen; (ii) Taburan tenaga pengajar sedia ada tidak selari dengan pola enrolmen semasa; (iii) Kadar penggantian staf/ terima waran gantian perlahan; dan (iv) Tiada waran baharu dikeluarkan. Implikasinya, memberi kesan kepada keupayaan untuk memastikan sumber tenaga mencukupi digerakkan dalam program komuniti.

Bagi Risiko Kedua (2), Pengurusan Tertinggi ACIS TELAH mengambil **LANGKAH PENAMBAHBAIKAN** dengan menggunakan tenaga sedia ada di tahap optimum (**Bukti_2.4.2_B04**).

3. Risiko Kekangan Kewangan: Penganjuran projek komuniti bertaraf tempatan atau antarabangsa pastinya menuntut perbelanjaan yang besar dan mencetus Risiko Kewangan terutamanya apabila program dijalankan secara fizikal.

Bagi Risiko Ketiga (3), Pengurusan Tertinggi ACIS TELAH mengambil **INISIATIF** sinergi geran penyelidikan untuk aktiviti komuniti dan kesukarelawanan menampakkan hasil apabila Geran Penyelidikan dari industri dapat menampung kos penyelidikan dan turut digunakan untuk khidmat komuniti (**Bukti_2.4.2_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB04_PC02_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.2_B01.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB04_PC02_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB04_PC02_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN](#)

[STRATEGIK_2.4.2_B03.pdf](#)

4. [F0052_P01_PB04_PC02_20244_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.2_B04.pdf](#)

5. [F0052_P01_PB04_PC02_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.2_B05.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PEMANTAUAN dan **PENGANALISAAN J4KK dan OS** dalam BT TELAH dijalankan secara konsisten dan **DIBINCANGKAN** dalam memastikan semua k terlibat dalam proses perancangan **PENAMBAHBAIKAN** bagi mengaplikasi kaedah **ADLI** melalui MPE, MPD, Mesyuarat Pengurusan PJI ACIS (**Bukti_2** Data Kajian Borang Maklumbalas Alumni, Borang Maklumbalas Pelajar dan dapatan Audit Dalam **DIANALISA** oleh pegawai bertanggungjawab dan dipar Pengurusan Kanan ACIS bagi mengenal pasti risiko dan tindakan **PENAMBAHBAIKAN** (**Bukti_2.4.3_B02**).

Di dalam mesyuarat tersebut, TELAH **MENILAI SEMULA** faktor-faktor kelemahan dan risiko yang dihadapi iaitu risiko strategik, risiko operasi, dan risiko I dalam pelaksanaan **J4KK dan OS**. Perbincangan cadangan **PENAMBAHBAIKAN** telah dijalankan dan diputuskan serta diambil untuk tindakan susulan pensyarah ACIS selaku kumpulan sasaran untuk memberi sumbangan dalam mencapai PSA **J4KK dan OS** BT. Pencapaian inisiatif BT termasuk data pencapaian petunjuk prestasi BT bagi tahun (2023) TELAH **DIANALISA, DISEMAK SEMULA dan DITAMBAHBAIK** (**Bukti_2.4.3_B03**).

ACIS TELAH membuat **HEBAHAN** bagi berkongsi dan **MENYEBARLUAS** laporan pencapaian prestasi **J4KK dan OS** dengan warga ACIS melalui Perhir Bulanan, Website Rasmi ACIS (<https://acis.uitm.edu.my/index.php>) dan di Media Rasmi Facebook ACIS (<https://www.facebook.com/acis.uitm>) (**Bukti_2.4**

Hasil laporan prestasi BT ACIS oleh pihak BTU, boleh dirujuk melalui laman sesawang berikut (**Bukti_2.4.3_B05**):

1. **UISMS** - <https://uisms.uitm.edu.my/>

2. **PROMS** - <https://proms.uitm.edu.my/uitm2025/SitePages/UiTM2025%20Strategic%20Plan%20Landing%20Page.aspx>

3. **POWERBI**

- <https://app.powerbi.com/singleSignOn?experience=power-bi&ru=https%3A%2F%2Fapp.powerbi.com%2Fhome%3Fexperience%3Dpower-bi%26noSigr>

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, ACIS TELAH membuat PEMANTAUAN terhadap hasil pelaksanaan dan status p PSA **J4KK dan OS** BT. Data dan maklumat yang diperolehi dari hasil pemantauan TELAH **DIANALISA, DINILAI SEMULA dan DITAMBAHBAIK** serta d kepada warga fakulti dan pemegang taruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB04_PC03_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.3_B01.pdf](#)

2. [F0052_P01_PB04_PC03_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.3_B02.pdf](#)

3. [F0052_P01_PB04_PC03_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.3_B03.pdf](#)

4. [F0052_P01_PB04_PC03_20244_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.3_B04.pdf](#)

5. [F0052_P01_PB04_PC03_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.3_B05.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Strategi Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) untuk **PELAN STRATEGIK ACIS 2022-2025 (PS ACIS)** yang diformulasi selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2020-2025, telah dimulakan dengan Bengkel Perancangan Strategik yang telah diadakan pada 26-28 SEPTEMBER 2022 bagi penyediaan **Dokumen PS ACIS selama Empat Tahun iaitu 2022 - 2025**. Fokus Bengkel PS tersebut adalah untuk mengalakkan seluruh warga ACIS mencapai sasaran PS UiTM secara keseluruhan. Pengurusan Kanan ACIS menumpukan Objektif Strategik (OS), **OS 7** dan **OS 8** bagi mencapai sasaran prestasi **Jaringan Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)**. **PEMBUDAYAAN BERFOKUS** ke arah mencapai PS UiTM ini juga akan melonjakkan ketampakan ACIS di peringkat nasional dan antarabangsa (**Bukti_2.5_B01**).

Hasil Bengkel Strategik tersebut telah merumuskan **SEMBILAN (9) RESOLUSI** yang akan ditekankan sehingga 2025, di mana resolusi-resolusi ini akan digunakan sebagai penanda aras bagi memastikan perancangan ACIS akan berjalan lancar bermula 2022 - 2025 dan selaras dengan perancangan UiTM (**Bukti_2.5_B02**).

AMALAN dan PEMBUDAYAAN ACIS adalah dengan memberikan penghargaan kepada semua warga ACIS yang telah menyumbang tenaga dan kepakaran bagi menjayakan **OS dan J4KK**. Majlis Anugerah Akademik Fakulti adalah manifestasi amalan dan pembudayaan tersebut (**Bukti_2.5_B03**).

AMALAN PEMBUDAYAAN ACIS ini juga telah dibuktikan dengan Program Pemindahan Maklumat (KTP-PPAB40) di Pangkor. Program ini ditaja oleh Maybank dengan hasrat untuk memenuhi pemindahan ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh para pensyarah kepada komuniti. Ia juga melibatkan alumni dan para pelajar ACIS. Malahan, ACIS telah melancarkan Sekolah Angkat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 18 yang merupakan Sekolah Gred A atau Sekolah Cemerlang Akademik, Selangor yang mempunyai Aliran Kelas Agama (KAA) bagi perkongsian ilmu yang menepati KTP UiTM (**Bukti_2.5_B04**).

Hasil **AMALAN PEMBUDAYAAN ACIS** ini juga telah direalisasikan diperingkat industri melalui kolaborasi bersama JAKIM. *Program Round Table Discussion* (RTD) bersama Pakar-Pakar Syariah (Halal) di The Everly Hotel, Putrajaya. RTD ini mengumpulkan pakar-pakar dari industri dan akademik yang membincangkan resolusi berkenaan Penentuan Status Kehalalan atau Kesucian Sesuatu Produk (**Bukti_2.5_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB05_20241_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK 2.5_B01.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB05_20242_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK 2.5_B02.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB05_20243_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK 2.5_B03.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB05_20244_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK 2.5_B04.pdf](#)
5. [F0052_P01_PB05_20245_IC2024_K02_PERANCANGAN STRATEGIK 2.5_B05.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) sentiasa mendukung usaha yang berterusan dan memberi galakan kepada warga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jaringan bersama alumni, komuniti dan kesukarelawanan dengan efektif dan efisien. Kualiti ini dapat menzahirkan nilai **Kolaborasi Komuniti dan Kesukarelawanan** ACIS iaitu dengan tema **ACIS WoW 2 Assist** yang dicetuskan oleh Pengurusan Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan sasaran bidang tumpuan, iaitu **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)**.

Perancangan

Pengurusan Kanan ACIS menjadikan data maklumbalas pelanggan sebagai asas **PERANCANGAN STRATEGIK (PS)**. Nilai **Kolaborasi Komuniti dan Kesukarelawanan** dengan tema **ACIS WoW 2 Assist** ke arah Kompetensi Global yang dicetuskan oleh Pengurusan Kanan ACIS dengan sasaran bidang tumpuan, iaitu **J4KK** diaplikasikan bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin melalui pelaksanaan secara komprehensif. Oleh itu, ACIS komited menyaut seruan Amanat Naib Canselor menerusi platform digital bagi menjaga hubungan semua pelanggan ACIS. Menerusi petikan YBhg. Amanat Naib Canselor dalam mewujudkan kolaborasi pintar di antara ACIS bersama Universiti, Industri, kerajaan dan komuniti demi memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi antara pelanggan bagi memperkasakan lagi kolaborasi di persada dunia menerusi *Globally Renowned University*.

Pelaksanaan

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan ACIS tercapai sasarannya, **PELAKSANAAN** strategik **J4KK** digunakan bagi mengoptimal sumber manusia dan aset sedia ada. platform penyebarnya seperti Amanat Naib Canselor, Bengkel Pelan Strategik dan Minggu Destini Siswa, data kepuasan pelanggan dapat dikumpulkan sebagai langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan segera. Selain itu, ACIS turut menjadi sekretariat bersama Islamic Relief Malaysia dalam membantu asnaf B40. Selain itu penajaan melalui Permodalan Nasional Berhad telah menganjurkan Program Karnival Pemantapan Syariah Dan Ukhuwwah ACIS-PNB (KaPSU) 2023. Malah usaha dalam membantu usahawan sekitar kepulauan Pangkor Perak menerusi Program “Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40” Bersama MAYBANK. Disamping Program perkongsian berbentuk kerohanian melalui Motivasi Qur’ani ke Arah Pembinaan Sahsiah Rabbani 2023 melalui celik al-Qur’an. “ACIS juga tidak ketinggalan setaip saban tahun melaksanakan Program Kolaborasi Kembara Korban 1001 Asnaf Dan Pengagihan Daging Korban UiTM bersama YBIM.

Pemantauan

Untuk memastikan kerjasama optimum daripada kakitangan ACIS terhadap kolaborasi yang dijalinan oleh ACIS sepanjang program **J4KK** dimanfaatkan oleh kedua belah pihak. **PEMANTAUAN** merujuk kepada Pentunjuk Pretasi (PI) dilihat dan diselia oleh staf yang bertanggungjawab malah dibentangkan dalam setiap perjumpaan bulanan staf ACIS sebagai pelaporan umum. Oleh itu pelaporan **J4KK** dibincang secara komprehensif demi membantu proses **pemantauan, mengenalpasti** serta **mengkaji semula risiko, merancang strategi pencegahan** dan **membentuk pelan tindakan** bagi mencari jalan penyelesaian terbaik. Oleh demikian model Pemantauan Risiko ACIS (**PRA**) **4.0** dirangka secara khusus untuk mengawal dan memantau kesemua program ACIS untuk menjamink keberhasilan **J4KK** dan penambahbaikan.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan Kanan ACIS melakukan **PENAMBAHBAIKAN** melalui analisis input dari kaji

seiidik untuk mendapat maklum balas daripada warga ACIS dan pihak pelanggan yang terlibat dalam setiap program **J4KK**. Data yang diperolehi antaranya daripada sistem Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan, PRA 4.0, Borang Maklum Balas Pelajar, Alumni. Hasil dapatan maklumbalas ini dibincangkan dan dianalisis di peringkat pemantauan bagi melihat tahap kebolehlaksanaan dan keberkesanan program. Seterusnya disusuli dengan tindakan penambahbaikan menerusi pembudayaan kesukarelaan yang berimpak tinggi bertemakan **ACIS WoW 2 Assist**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN yang diaplikasi oleh Pengurusan Kanan ACIS sentiasa fokus kemenjadian (**J4KK**) dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien mengikut keperluan pelanggan.

Pelanggan-pelanggan ACIS terdiri daripada kumpulan sasaran yang boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu **Pelanggan Dalaman** dan **Pelanggan Luaran**. Pelanggan dalaman ACIS adalah merujuk kepada pelajar yang menuntut di ACIS yang terdiri daripada mod pengajian sepenuh masa dan mod pengajian separuh masa (PJJ). Berdasarkan maklumat daripada Bahagian Transformasi Universiti dan Unit Korporat ACIS, ACIS menempatkan seramai lebih seribu orang pelajar yang juga merupakan pelanggan terbesar ACIS pada tahun 2023. ACIS merupakan fakulti yang mempunyai bilangan pelajar paling ramai iaitu sebanyak 1826 orang. Selain daripada pelajar staf ACIS turut dikategorikan sebagai pelanggan dalaman. Dengan kekuatan seramai 92 staf akademik dan 15 staf pentadbiran, pengurusan kanan ACIS tidak ketinggalan dalam menjaga kebajikan dan prihatin terhadap suara warga UiTM yang juga merupakan pelanggan dalaman (**Bukti_3.2_B01**).

Bagi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) ACIS, pelanggan luaran merujuk kepada alumni, komuniti, IPT antarabangsa, industri dan kerajaan. Seramai 2000 graduan yang bergelar alumni telahpun dilahirkan dari ACIS. Di atas inisiatif untuk menjejak semula alumni, ACIS telah pun menubuhkan Persatuan Alumni ACIS yang bertujuan untuk menjaga kebajikan, menghulur bantuan serta mewujudkan komuniti alumni ACIS (**Bukti_3.2_B02**). Selain itu, ACIS tidak ketinggalan dalam menjaga hubungan baik bersama komuniti dan NGO setempat seperti Projek Karnival Pemantapan Syariah dan Ukhuwwah ACIS-PNB (KaPSU) 2023 di mana penglibatan komuniti, memupuk amalan keagamaan, dan menyokong pelbagai kumpulan komuniti. Acara ini menunjukkan komitmen UiTM dan PNB terhadap kesejahteraan masyarakat dan menyediakan model untuk perkhidmatan komuniti holistik selaras dengan visi nasional Malaysia Madani (**Bukti_3.2_B03**).

ACIS turut mempunyai pelanggan luar peringkat antarabangsa seperti Organisasi Jepun menerusi **projek Geran Bersama Japan Da'wah Centre**. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan hubungan persefahaman di antara negara Asia yang diwakili oleh ACIS bersama Negara Jepun melalui projek penyelidikan sains makanan seperti penggunaan gelatin dalam produk makanan. Selain geran bersama Jepun, ACIS turut bekerjasama dengan **Islamic relief Malaysia** dengan berhasrat mewujudkan dunia yang prihatin di mana tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu (**Bukti_3.2_B04**).

Selain Jepun, ACIS turut melibatkan pelanggan luaran seperti komuniti antarabangsa di Indonesia menerusi program **Program Pertukaran Pelajar MORA Overseas Student Mobility Awards (MOSMA) Indonesia 2023**. Program ini telah diadakan dengan penglibatan pelajar daripada kalangan mahasiswa UIN Syarif Hidayatullah, **UIN Sunan Ampel, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, UNI KH Abd Chalim dan Universitas Islam Internasional Indonesia**. Seramai 4 orang pelajar ijazah sarjana muda dan 6 orang pelajar pascasiswazah telah berjaya menyempurnakan sesi perkuliahan sepanjang satu semester di ACIS termasuk menyertai aktiviti silang budaya yang di anjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Jawatankuasa Antarabangsa ACIS (**Bukti_3.2_B05**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_T01_TB02_20241_F0052_T01_TB02_20241_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.1_B01.r](#)
2. [F0052_T01_TB02_20242_F0052_T01_TB02_20242_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.2_B02.r](#)
3. [F0052_T01_TB02_20243_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB02_20244_F0052_T01_TB02_20244_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.4_B04.r](#)
5. [F0052_T01_TB02_20245_F0052_T01_TB02_20245_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.5_B05.r](#)
6. [F0052_T01_TB02_20241_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.1_B01.pdf](#)

7. [F0052_T01_TB02_20242_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.2_B02.pdf](#)
8. [F0052_T01_TB02_20243_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.3_B03.pdf](#)
9. [F0052_T01_TB02_20244_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.4_B04.pdf](#)
10. [F0052_T01_TB02_20245_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.5_B05.pdf](#)
11. [F0052_T01_TB02_20241_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.1_B01.pdf](#)
12. [F0052_T01_TB02_20242_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.2_B02.pdf](#)
13. [F0052_T01_TB02_20243_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.3_B03.pdf](#)
14. [F0052_T01_TB02_20244_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.4_B04.pdf](#)
15. [F0052_T01_TB02_20245_IC2024_K03_PELANGGAN_3.2.5_B05.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Platform/ medium terbaik adalah amat penting bagi tujuan **PERLUASAN** khususnya kepada pelanggan yang terdiri daripada **golygon komuniti** berfokus mahupun komuniti umum yang bersifat universal. Perluasan maklumat kepada komuniti yang sifatnya berfokus atau spesifik adalah lebih mudah berbanding komuniti yang bersifat umum dan universal. ACIS mempunyai pelbagai program yang mempunyai sasaran komuniti yang berfokus umumnya bagi pihak **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)** terutamanya terhadap komuniti. Kesemua program yang telah dijalankan bersama komuniti secara umumnya mempunyai kaedah **perluasan (deployment)** yang seakan-akan sama seperti melalui E-mel rasmi UiTM, kumpulan aplikasi Whatsapp, Telegram, media rasmi Facebook ACIS, serta hebahan tambahan secara fizikal dan maya melalui komuniti-komuniti yang telah disasarkan. Sebagai contohnya, hebahan program anjuran ACIS terhadap **komuniti yang bersasar** seperti penduduk sekitar Masjid Jamek Ar Rahimiah, Klang dan pengikut media Yayasan Budi Ihsan Malaysia (**Bukti_3.3_B01**)

Bagi perluasan maklumat kepada **pelanggan Luaran seperti kouniti Alumni** – Sistem SIMS HE dan myAlumni merupakan pangkalan data alumni UiTM yang komprehensif, yang ditadbir urus secara kerjasama di antara Pusat Jaringan Alumni, ICAN dan Hal Ehwal Pelajar, UiTM.

Persatuan Alumni ACIS (PRACIS) telah didaftarkan di bawah Gabungan Alumni UiTM sejak 2021 bagi sebarang perluasan maklumat secara komprehensif. Selain itu juga, MyAlumni UiTM merupakan ciri tambahan terkini sistem pangkalan data e-alumni (**Bukti_3.3_B02**). Selain itu juga **Facebook, Instagram dan Telegram Rasmi** turut digunakan sebagai medium untuk menyebarkan maklumat kepada alumni ACIS UiTM Shah Alam (**Bukti_3.3_B03**).

Menerusi nilai sinergi dengan sasaran bidang tumpuan, **iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)**, ACIS UiTM Shah Alam percaya kepuasan pelanggan perlulah disebarluaskan secara optimal kepada pelanggan dalaman dan luaran. **Youtube Rasmi ACIS UiTM Shah Alam** merupakan media yang digunakan bagi membolehkan pelanggan ACIS UiTM Shah Alam terutamanya komuniti awam dapat meraih maklumat dengan tepat dan sahih terutamanya berkaitan penyebaran ilmu dan maklumat yang bersifat semasa dan kontemporari. Selain itu, para pelanggan terutamanya komuniti boleh mengakses maklumat pencapaian ACIS, laporan aktiviti, pemakluman umum dan penyampaian ilmu secara terbuka dan percuma menerusi platform **Facebook** (Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM- Media FB Rasmi) (**Bukti_3.3_B04**)

Projek komuniti ACIS ke **peringkat antarabangsa** membuktikan sistem **PERLUASAN (deployment)** ACIS sudah berada di peringkat **tertinggi dan optimum**. Projek mega seperti **“Program Kolaborasi Kembara Korban 1001 Asnaf Dan Pengagihan Daging Korban UiTM – YBIM”** merupakan projek mega di peringkat antarabangsa anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam dengan kerjasama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) dan Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf (ZAWAF) UiTM. Para peserta dan masyarakat setempat telah berjaya didedahkan dengan kefahaman dan ilmu serta kesedaran mengenai ibadah korban yang dilaksanakan di peringkat lokal mahupun peringkat antarabangsa seperti di negara **Chad, Nigeria, Tanzania dan lain-lain negara**. Dalam mempromosikan Program Korban ini, pelbagai medium perluasan maklumat telah digunakan bagi mencapai jumlah pelanggan setinggi mungkin dengan strategi yang optimum. Antara medium perluasan yang digunakan adalah menggunakan kaedah iklan di aplikasi **Whatsapp, Telegram, E-mel rasmi UiTM, Facebook, Instagram, hebahan radio, hebahan televisyen** dan lain-lain lagi (**Bukti_3.3_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB03_20242_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB03_20243_F0052_T01_TB02_20243_IC2024_K03_PELANGGAN 3.2.3_B03.r](#)
4. [F0052_T01_TB03_20244_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.4_B04.pdf](#)

5. [F0052_T01_TB03_20245_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.5_B05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sepanjang **PEMBELAJARAN** melalui program **J4KK** terdapat pelbagai kebaikan yang diperolehi dari program-program yang dijalankan oleh ACIS. Beberapa siri pemantauan telah pun dilaksanakan untuk melihat dari sudut hasil dan manfaat kepada pelanggan agar mencapai hasrat Universiti dan Fakulti.

Peranan ACIS sememangnya memberikan impak luar biasa kepada pembangunan material komuniti. ACIS pada 26 Mac 2023, **ACIS dan Islamic Relief Malaysia** telah memberikan bantuan kepada warga komuniti pelajar Sekolah Kebangsaan Lendu, Melaka. Pemberian barang keperluan kepada 75 pelajar yang terdiri daripada fakir, miskin, anak yatim dan asnaf telah disalurkan dengan jumlah yang mencapai RM15,000 (**Bukti_3.4.1_B01**). Selain itu, ACIS dengan kerjasama **Permodalan Nasional Berhad** telah menganjurkan **Program Karnival Pemantapan Syariah Dan Ukhuwwah ACIS-PNB (KaPSU) 2023** pada 30 hingga 31 Disember 2023. Salah satu pengisian karnival tersebut adalah saluran bantuan kepada warga orang asli di Kampung Kuning, Bukit Bandaraya Shah Alam. Seramai 55 keluarga komuniti orang asli telah menyertai karnival tersebut. RM10,000 telah disalurkan dalam bentuk barangan keperluan harian kepada peserta yang hadir (**Bukti_3.4.1_B02**). Bentuk saluran tenaga kepada komuniti pula, ACIS telah menghantar hampir 60 orang warganya daripada staf dan pelajar dalam menjayakan Program Korban Tahun 2023 di Masjid Negeri, Shah Alam (**Bukti_3.4.1_B03**).

ACIS juga menjadi tunggak utama penyebaran kefahaman Islam di dalam UiTM sebagai menerusi beberapa siri program berbentuk **KTP (Knowledge Transfer Programme)** sebagai wadah transformasi komuniti. Antaranya adalah **Program “Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40”**. 44 orang para usahawan kecil Melayu Muslim di Pulau Pangkor, Perak telah dapat perkongsian ilmu dan penyeliaan berkala daripada tenaga pengajar ACIS terutamanya dalam hal meningkatkan keusahawanan Muslim mengikut arus digitalisasi. Hasilnya kemahiran berniaga para peserta telah direkodkan dari sudut kemahiran berniaga dari segenap aspek (**Bukti_3.4.1_B04**). Dalam program berlainan, pihak ACIS pada Julai 2023 telah menjalankan sebanyak dua siri pertemuan **Program Motivasi Qur’ani ke Arah Pembinaan Sahsiah Rabbani 2023**. Program yang disertai kesemua 270 murid darjah lima dan enam **sekolah KAFAI Nahdhah al-Islam, Seksyen 18** telah mendapat ilmu dan motivasi berkaitan Pembinaan Sahsiah Berteraskan Al-Quran dalam Membentuk Generasi Rabbani. Objektif program tersebut adalah menerapkan pembudayaan al-Quran melalui nilai murni kepada para pelajar melalui pengajaran Al-Quran (**Bukti_3.4.1_B05**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_T01_TB04_TC01_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.1.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC01_20242_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.1.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC01_20243_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.1.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB04_TC01_20244_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.1.4_B04.pdf](#)
5. [F0052_T01_TB04_TC01_20245_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.1.5_B05.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam memastikan hala tuju JA2K dicapai, Pengurusan Kanan ACIS UiTM mempunyai kaedah yang sistematik dan efektif dalam **MENGenalPASTI RISIKO**. Pengurusan Kanan ACIS UiTM menggunakan pelbagai platform digital dan konvensional dalam usaha mengenalpasti risiko bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)**. Secara umumnya, ACIS telah mengklasifikasikan 2 kumpulan risiko yang menjadi penghalang kepada kemajuan institusi. (1) Risiko operasi merujuk kepada risiko-risiko yang melibatkan semua proses kerja operasi seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain dan (2) Risiko strategik merujuk kepada risiko yang menjadi penghalang kepada ACIS UiTM dalam mencapai halatuju dan objektif pusat tanggungjawab universiti (**Bukti_3.4.2_B01**).

Bagi bidang tumpuan pelanggan, terdapat 2 jenis risiko yang terlibat. **Risiko pertama** yang dihadapi oleh ACIS UiTM adalah risiko reputasi. ACIS UiTM telah mengambil pelanggan IPT antarabangsa selain daripada IPT dari Indonesia. Perkara ini telah mendapat pencapaian **PI082** iaitu bilangan MoU/MoA bersama "Top 300 QS World University Ranking" universiti antarabangsa telah tercapai (**Bukti_3.4.2_B02**).

Risiko kedua yang dihadapi oleh ACIS UiTM adalah risiko kewangan. Ini merujuk kepada pengumpulan dana untuk menjalankan program-program kepada pelanggan seperti komuniti dan alumni ACIS UiTM kurang mencukupi. Selain itu ACIS UiTM juga menghadapi kekurangan dana untuk melaksanakan program untuk alumni. Pengurusan kanan ACIS UiTM komited terhadap isu ini dan antara usaha yang dijalankan oleh ACIS UiTM sebagai tindakan pencegahan adalah dengan mengadakan smart partnership diadakan dengan jalinan MoU/MoA bersama IPT dan industri digunakan dalam usaha mencari dana (**Bukti_3.4.2_B03**). Pengurusan kanan ACIS turut mengadakan jaringan bersama alumni UiTM yang kini berada di industri untuk sumbangan dana.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB04_TC02_20241_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.2.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC02_20242_F0052_T01_TB03_20242_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.2.2_B02.pdf.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC02_20243_F0052_T01_TB04_TC02_20241_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.4.2.3_B03.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap prestasi ACIS menerusi laporan rasmi yang dikeluarkan, pihak pengurusan kanan ACIS telah melaksanakan beberapa **PELAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** prestasi sebagai **maklum balas** aduan pelanggan seperti berikut:

Bagi mendapatkan kerjasama optimum daripada kakitangan ACIS terhadap kolaborasi yang dijalinkan oleh ACIS bersama industri, kepimpinan kanan ACIS telah mengambil inisiatif untuk melakukan **pertemuan bersama kakitangan ACIS** bagi menyalurkan maklumat berkaitan Kerjasama **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (J4KK)** yang boleh dimanfaatkan oleh kedua belah pihak. Disamping itu juga pihak kepimpinan kanan turut memperluaskan sesi pertemuan bersama kakitangan ke kampus UiTM cawangan-cawangan bagi memberikan pendedahan terhadap peranan mewujudkan jaringan industri yang mantap bagi mencapai kecemerlangan yang optimum (**Bukti_3.4.3_B01**)

Analisa manfaat yang diperolehi menerusi jaringan industri pada tahun-tahun sebelumnya menjangka kepada gerak kerja jaringan industri baharu yang perlu terus diperkasakan. Untuk tahun 2023, ACIS terus menggerakkan usaha untuk menjalinkan hubungan yang erat bersama pihak industri yang berpotensi memberikan nilai tambah kepada ACIS. Selain daripada itu, ianya menjadi usaha untuk memperkenalkan potensi ACIS kepada pihak industri bagi mengajak lebih banyak pemain industri untuk memeterai kolaborasi bersama ACIS, samaada di peringkat kebangsaan ataupun global (**Bukti_3.4.3_B02**)

Pihak pengurusan kanan ACIS juga mengambil inisiatif menganjurkan majlis keraian staf yang diadakan bertujuan meraikan kakitangan ACIS yang memaparkan perkhidmatan yang cemerlang. Termasuk didalam pengukuran kemampanan staf yang berjaya menunjukkan kecemerlangan berkaitan **aktiviti kolaborasi industri** antaranya menjadi PIC MOU signing, sidang meja bulat bersama industri (*Round Table Discussion*), melaksanakan kajian dan berkongsi kepakaran bersama masyarakat melalui kerjasama Halal Department Corporation (HDC) dan Unit Halal Majlis Agama Negeri-negeri (MAIN) (**Bukti_3.4.3_B03**). Keraian juga diberikan kepada pelajar yang cemerlang yang juga merupakan sebahagian daripada pelanggan tumpuan ACIS (**Bukti_3.4.3_B04**). Di peringkat pelajar, sesi *Town Hall* dilaksanakan sebulan sekali bagi mendapat maklum balas dari pelajar tentang penambahbaikan yang boleh dilakukan diperingkat ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB04_TC03_20241_F0052_T01_TB04_TC03_20231_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.1.r](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC03_20242_F0052_T01_TB04_TC03_20232_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.2.r](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC03_20243_F0052_T01_TB04_TC03_20233_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.3.r](#)
4. [F0052_T01_TB04_TC03_20244_F0052_T01_TB04_TC03_20234_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.4.r](#)
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sebagai bukti hubungan erat ACIS Bersama pelanggan khususnya kelompok komuniti, pelbagai usaha **PENGINTEGRASIAN** budaya yang diinisiatifkan ACIS bersama kelompok komuniti menerusi pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Usaha ini telah dapat digerakkan dengan berkesan dengan terlebih dahulu memberikan keutamaan kepada **aspek komunikasi yang berkesan** diantara kedua pihak tersebut. Aspek capaian komunikasi telah dikemas kini dengan mengoptimalkan penggunaan media sosial rasmi ACIS antaranya **Facebook, Instagram** dan **Youtube** untuk mempromosikan pelbagai program-program anjuran ACIS untuk hebahan kepada komuniti yang bertujuan mendapatkan penyertaan dan penglibatan daripada kelompok tersebut (**Bukti_3.5_B01**). Selain daripada itu, ianya menjadi medium promosi terhadap program-program tersebut yang telah menyumbang kepada aspek ketampakan budaya amalan dan kepakaran ACIS yang berteraskan kepada model A.D.A.B dieprkenalkan UiTM kepada kelompok komuniti.

Tidak hanya menumpukan kepada usaha sendiri, usaha pengintegrasian budaya ACIS kepada komuniti juga telah digerakkan dengan **usaha ketampakan bersama media** utama di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Kolaborasi bersama pengamal media menerusi pelbagai medium media massa juga telah diperkukuhkan bagi usaha mempromosikan pengintegrasian budaya ACIS kepada komuniti. Sebagai contoh kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah dengan memperbanyakkan kolaborasi penulisan popular bersama akhbar dengan pelbagai topik perbincangan berdasarkan bidang kepakaran yang ada di ACIS. Usaha sama juga telah digerakkan dengan mengadakan kolaborasi bersama stesen radio dan television di peringkat UiTM dan kebangsaan agar ketampakan budaya ACIS dapat lebih meluas dan menyeluruh (**Bukti_3.5_B02**).

Bagi mendapatkan impak yang lebih serius, **kerjasama strategik ACIS Bersama pemain industri** pelbagai bidang juga telah banyak menyumbang kepada penghasilan pelbagai aktiviti kerjasama yang telah dapat menyebar luas budaya pengamalan dan kepakaran ACIS kepada komuniti di pelbagai segmen latar belakang yang berbeza.. Ia merangkumi pihak professional sehingga kepada masyarakat awam. Sebagai contoh, ACIS telah bekerjasama dengan pelbagai entiti pemain industri yang membawa kepada penganjuran seminar antarabangsa yang menjadi ruang untuk mengumpulkan sarjana di dalam bidang yang dikaitkan tema perbincangan yang akhirnya dapat dimanfaatkan oleh komuniti. Antara hasilnya, ACIS telah bekerjasama dengan PERZIM dalam membantu usaha pengkatalogan koleksi manuskrip untuk membolehkan ianya dapat dikongsikan kepada masyarakat umum yang mana usaha ini memerlukan kepada kepakaran manuskrip Melayu yang merupakan sebahagian daripada bidang kepakaran ACIS (**Bukti_3.5_B03**). Kerjasama lain ACIS bersama **pihak pentadbiran masjid sekitar Selangor** juga telah menghasilkan pelbagai program menarik yang memanfaatkan dan mengeratkan hubungan antara ACIS, komuniti dan masjid (**Bukti_3.5_B04**).

Kesan daripada impak positif yang terhasil daripada kerjasama dan usaha kolaborasi yang diwujudkan telah memberikan satu imej dan ketampakan yang baik dalam usaha pengintegrasian budaya kepada masyarakat dan komuniti. Ini dapat dibuktikan dengan **pengiktirafan dan juga lantikan yang dianugerahkan kepada kesarjanaan** yang ada ditawarkan di ACIS dalam usaha mengembang luaskan manfaatnya kepada komuniti. Antaranya pengiktirafan yang telah diberikan kepada warga ACIS adalah menerusi lantikan sebagai panel pakar, pengiktirafan kepakaran dan juga penganugerahan darjah kebesaran Negeri yang menunjukkan kepercayaan yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat terhadap kepakaran kesarjanaan di ACIS (**Bukti_3.5_B05**). ini sangat signifikan khususnya membentuk ketampakan warga ACIS selaku peneraju ilmu di peringkat global selari dengan visi UiTM untuk menjadi "**Globally Renowned University**" tetapi pada masa yang sama "**Locally Rooted**" yang tidak mengkesampingkan peranannya kepada komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB05_20241_F0052_T01_TB05_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB05_20242_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB05_20243_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB05_20244_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.4_B04.pdf](#)
5. [F0052_T01_TB05_20245_F0052_T01_TB03_20241_IC2024_K03_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.5_B05.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (*Plan*) Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) terhadap bidang tumpuan adalah berasaskan kepada **Pelan Strategik UiTM 2020** dan wawasan universiti ke arah **Globally Renowned University** yang diterjemahkan kepada **Pelan Tindakan SSP-ACIS 2025** sebagai pelan tindakan di peringkat PTJ untuk membawakan institusi ke pentas dunia melalui kecermelangan serta pembumian nilai. Perancangan di peringkat ACIS juga memperlihatkan kepada **perancangan garis masa yang realistik**, pendedahan kepada semua warga yang terlibat terhadap **instrumen pengukuran**, begitu juga **pasca-analisis kepada data** yang diperolehi. Pelan perancangan ini turut dihebahkan melalui **takwim** dan **carta alir** kepada semua warga di awal tahun agar persediaan rapi dapat dipacu dengan lebih mantap.

Implementasi (*Do*) terhadap perancangan dilaksanakan secara tersusun dan berkesan oleh ACIS di samping penggunaan instrumen pengukuran yang tepat telah dilihat menjana keberhasilan cemerlang terhadap bidang tumpuan. Bertitik tolak dari pelaksanaan **Bengkel Strategic & Succession Planning Towards GRU2025 ACIS (SSP-ACIS 2025)**, ianya dicerakinkan kepada instrumen pengukuran seperti **Petunjuk Prestasi (PI)**, **Objektif Kualiti ACIS**, **dapatan audit**, **e-Reporting**, **SMART** dan **PRIME & STAR Rating** bagi memenuhi sasaran-sasaran yang telah dikenalpasti.

Gerak kerja pemantauan (*Check*) adalah kritikal bagi memastikan data diperolehi disimpan dengan baik agar dapat dimaknakan agar pembuktian empirikal dapat direkodkan. Untuk tujuan ini, mekanisme pemantauan dilaksanakan melalui **Bengkel Penganjuran Program dan Pelaporan 2023**. Keseluruhan data yang diperolehi berkaitan bidang tumpuan dilaporkan melalui sistem **SMART** dan **PRIME** dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat berkala termasuklah **Mesyuarat Pengurusan Executive (MPE)**, **Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)**, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** dan **Mesyuarat Pengurusan PJI**. MPD menjadi pemacu utama dalam sasaran memastikan ACIS turut bersama dengan komuniti dalam penyaluran ilmu di mana **kekerapan analisa data bagi projek komuniti** dibentangkan. Pengukuran melibatkan **PROMS** dan **POWER BI** sebagai petunjuk prestasi ACIS. Kekuatan ACIS dalam meletakkan pengukuran yang kompetitif adalah melalui **pengukuran kejayaan memperkenalkan program-program bersama komuniti** dalam usaha membumikan pengetahuan duniawi dan ukhrawi kepada masyarakat.

Hasil pemantauan (*Act*) telah dilaksanakan tindakan penambahbaikan melalui **dapatan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Fakulti (MPE)**, **Laporan Audit Dalaman ACIS 2023**, **Bengkel Taklimat Pendaftaran PRIME & Info Smart ACIS**. Seterusnya, **Bengkel KaSEH UiTM** juga dianjurkan bagi memantapkan lagi mekanisme penambahbaikan agar projek-projek yang dijalankan adalah mencapai BT yang disasarkan dengan efektif dan efisien.

Hasil pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan organisasi yang disusun telah dikongsikan kepada semua warga ACIS menerusi **Pembentangan Dekan** dalam **Mesyuarat Staf Akademik** di samping itu melalui platform laman rasmi ACIS di Facebook serta diterbitkan dalam bentuk **Buletin ACIS 2023** bagi memastikan semua warga terus mengekalkan momentum dalam merealisasikan perancangan yang telah distrategikan. Menyedari keperluan semasa, ACIS turut melaksanakan **pembudayaan knowledge transfer** dalam kalangan warga ACIS terhadap komuniti melalui anjuran webinar, khidmat masyarakat, perkongsian ilmu di siaran perdana, begitu juga penulisan di media. Ketampakan ACIS divisualisasikan dengan platform media sosial seperti laman rasmi Facebook ACIS, media massa dan laman sesawang menjadikan **ACIS merangkul Tempat Ke-3 Anugerah Transformasi Kecermelangan Ketampakan UiTM 2023 (Media Sosial)**.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan yang sistematik vital dalam memastikan setiap **OS BT** yang ditetapkan dapat dicapai. Justeru itu, bagi memastikan aktiviti dan program mencapai objektif yang dirancang, ACIS Shah Alam melakukan proses pengukuran untuk setiap keberhasilan strategik yang dirancang. Tunjang kepada proses pengukuran ini adalah bersandarkan kepada Pelan Strategik UiTM 2025 menuju kearah *Globally Renowned University*. ACIS komited menyokong hasrat UiTM untuk memperkasakan keterlibatan warga dengan komuniti agar kepakaran universiti dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Pada 26-28 September 2022 ACIS Shah Alam telah mengadakan **Bengkel Strategic & Sucession Planning Towards GRU 2025 ACIS (SSP-ACIS 2025)** di ILMU, Janda Baik, Pahang untuk **mengkaji semula dan penambahbaikan** pelan tindakan SSP-ACIS 2025 dalam menjayakan **OS BT** yang melibatkan **OS7** dan **OS8** serta mengambil kira pelan strategik UiTM 2025 sebagai universiti terkemuka dunia ke arah kecemerlangan global dengan prestasi berorientasikan nilai. Antara pendekatan dan strategik yang akan dilakukan bagi merealisasikan perancangan OS BT ialah (**Bukti_4.2_B01**):

- i. Menganjurkan program bersama masyarakat dan NGO dengan kerjasama industri.
- ii. Menyumbang tenaga dan kepakaran dalam aktiviti kemasyarakatan.

Item pengukuran bagi mencapai OS7 dan OS8 ialah (**Bukti_4.2_B02**):

- i. **Petunjuk Prestasi (PI)** yang ditetapkan oleh UiTM kepada ACIS Shah Alam berkaitan J4KK. Terdapat 24 PI diberikan kepada unit PJI dan hanya **TUJUH (7)** PI yang perlu dipenuhi berkaitan **OS BT** (PI028, PI074, PI075, PI076, PI077, PI078 dan PI079).
- ii. **Objektif Kualiti ACIS** Shah Alam berkaitan J4KK.
- iii. **Dapatan Audit.**

Pengukuran utama bagi pelaporan aktiviti J4KK dilaksanakan melalui instrumen berikut (**Bukti_4.2_B03**):

- i. **e-Reporting,**
- ii. **SMART** dan
- iii. **Prime & Star Rating**

Oleh itu, pada 6 September 2023 ACIS Shah Alam telah mengadakan **Bengkel Penganjuran Program dan Pelaporan 2023 (Bukti_4.2_B04)** bagi pengurusan data yang tersusun dalam memastikan setiap perancangan strategik jelas dan dapat mencapai pelaporan hasil yang telah dirangka. **OS BT** yang dirancang akan dihebahkan melalui **Mesyuarat Staf Akademik, Whatsapp rasmi** warga ACIS Shah Alam dan **Facebook Rasmi ACIS (Bukti_4.2_B05)** supaya setiap warga ACIS mempunyai maklumat mengenai pelan strategik ACIS yang perlu digembleng bersama dalam menjayakan **OS BT** yang dirangka.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_A01_AB02_20241_IC2024_K04_PENGUKURAN_4.2_B01.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB02_20242_IC2024_K04_PENGUKURAN_4.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB02_20243_IC2024_K04_PENGUKURAN_4.2_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB02_20244_IC2024_K04_PENGUKURAN_4.2_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB02_20245_IC2024_K04_PENGUKURAN_4.2_B05.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan perancangan strategik dibuat oleh seluruh PTJ UiTM bagi mencapai misi GRU2025 sekaligus dapat meningkatkan kualiti pencapaian dan ketampakan staf di peringkat nasional dan antarabangsa. Bagi memastikan setiap warga ACIS cakna, takwim **mesyuarat utama ACIS Tahun 2023** telah dikongsikan kepada warga ACIS di dalam Wassap Group dan Google Drive sejak awal tahun untuk makluman dan persediaan awal semua warga. Untuk langkah permulaan, pada awal tahun **pengarah dan pengurus pojek** telah melantik beberapa **ketua projek dan AJK** projek untuk merancang dan melaksanakan projek-projek yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 beserta **bajet dan risiko yang terlibat. Rancangan program dilaporkan dalam sistem UiSMS (Bukti_4.3_B01)**

Semua data berkaitan bidang tumpuan yang dilaporkan dalam sistem **SMART** dan **PRIME**, akan dianalisa dan dibentangkan dalam mesyuarat berkala seperti **Mesyuarat Pengurusan Executive (MPE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan PJI**. Pembentangan Pelaporan Pencapaian **Prestasi ACIS** yang diadakan berkala di dalam MPD oleh **Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) ACIS** bagi tujuan penambahbaikan. Penyebaran **Takwim dan carta alir** pengurusan ini sangat penting untuk membantu pensyarah merancang terutamanya berkaitan permohonan kelulusan kewangan untuk program dan aktiviti yang melibatkan komuniti (**Bukti_4.3_B02**).

Pelaporan bulanan akan dibentangkan dengan kekerapan setiap bulan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), yang dipengerusikan oleh Dekan. PSTU membentangkan PI yang berkaitan sekiranya PI tersebut masih belum mencapai target yang disasarkan oleh pihak BTU maka TDPJI akan mengingatkan Koordinator ICAN untuk mengemaskini dan memastikan setiap program yang dilaksanakan telah dilaporkan dalam sistem **SMART**. Ketua Projek diingatkan untuk mengemaskini maklumat program masing-masing dalam sistem UiSMS kerana data ini akan dipaparkan dalam sistem PROMS dan POWER BI untuk proses **penilaian Petunjuk Prestasi ACIS (Bukti_4.3_B03)**.

Ukuran yang digunakan sebagai acuan untuk menilai prestasi dan kejayaan dalam usaha pengkomersialan di ACIS ialah dengan mengukur kejayaan dalam memperkenalkan program-program yang dilaksanakan bersama komuniti. Ia mencerminkan kemampuan ACIS untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran dan mencipta nilai baru. Satu kaedah pengukuran yang realistik dan signifikan adalah melalui program-program ketampakan bersama komuniti. Instrumen pengukuran ini bergantung pada bilangan PI yang berjaya dicapai dan dilaporkan oleh pihak **BTU (Bukti_4.3_B04)**.

Selain itu, pihak **Korporat ACIS** juga berkongsi informasi terkini dan kejayaan yang dicapai oleh staf ACIS Shah Alam terutama ketua projek dan ahli yang terlibat melalui akaun rasmi media sosial Facebook. Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan ketampakan ACIS Shah Alam di laman sesawang, media masa atau media sosial. Hal ini menjadikan ACIS dianugerahkan **Tempat Ke-3 Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023 (Media Sosial) (Bukti_4.3_B05)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB03_20241_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.3_B01.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB03_20242_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.3_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB03_20243_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB03_20244_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.3_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB03_20245_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.3_B05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

ACIS & keterlibatan komuniti memerlukan kepada elemen pemantauan yang cekap dan efisien. **ACIS UiTM Shah Alam bertanggungjawab melaksanakan pelaporan pencapaian PI ACIS** melalui setiap Ketua Bahagian/ Unit secara berkala setiap bulan. **Hasil pemantauan dan analisis data dibentangkan** dalam mesyuarat bahagian iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Jaringan Industri sebelum dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) (**Bukti_4.4.1_B01**). Maklumat pemantauan ini akan dikongsi dengan semua ketua jabatan yang lain. Dekan selaku Pengerusi bagi MPD membincangkan justifikasi ketidakcapaian PTJ dan mengenal pasti tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan.

Pelaporan aktiviti bidang tumpuan dibuat melalui e-Reporting dan dimasukkan ke dalam Google Drive PJI. Semua ketua projek yang dilantik bertanggungjawab untuk membuat pelaporan ke dalam sistem Prime UiTM (Star Rating), dan dan softcopy pelaporan juga hendaklah dimuat naik ke Google Drive PJI bagi tujuan pengrekodan, seterusnya dianalisa di peringkat lebih tinggi. Sistem Prime dan Google Drive PJI menjadi pusat rujukan kepada TD PJI, Koordinator ICAN dan pentadbir ACIS untuk mengakses setiap program tersebut. (**Bukti_4.4.1_B02**). Aktiviti pelaporan digiatkan lagi dengan kerjasama Unit Korporat ACIS yang memainkan peranan membuat hebahan dan penyebaran maklumat aktiviti pencapaian PI bidang tumpuan di dalam media sosial dengan kerap sekaligus meningkatkan ketampakan ACIS di dalam dan di luar UiTM. (**Bukti_4.4.1_B03**)

Elemen pemantauan menjadi asas kepada keberkesanan pelaksanaan program. Secara umumnya program komuniti dipantau oleh Koordinator ICAN dalam memastikan pelaporan lengkap diisi oleh ketua projek. Data yang diperolehi oleh ketua projek dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Jaringan Industri. Sebagai tambahan, setiap bulan PSTU akan memastikan pelaporan dilaksanakan di dalam SMART sebelum dibentangkan di dalam MPD (**Bukti_4.4.1_B04**). Hasil pemantauan yang telah dianalisa digunakan bagi kaji semula pengurusan dan pelaksanaan **tindakan penambahbaikan** seperti melaksanakan bengkel KaSEH oleh ICAN untuk meningkatkan prestasi jaringan komuniti. Maklumat berkaitan pencapaian PI BT diakses melalui Buletin ACIS 2023 yang disediakan dalam laman sesawang ACIS (**Bukti_4.4.1_B05**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_A01_AB04_AC01_20241_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC01_20242_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.1_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB04_AC01_20243_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.1_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB04_AC01_20244_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.1_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB04_AC01_20245_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.1_B05.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

ACIS UiTM Shah Alam telah secara proaktif mengambil inisiatif untuk **mendaftar risiko yang berkaitan dengan membuat penilaian dan penganalisaan** bagi BT. Inisiatif ini dilakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) yang diadakan tiga kali setahun (**Bukti_4.4.2_B01**).

Proses ini bermula dengan **Mesyuarat Pertama JPR pada awal tahun** untuk mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan BT. Penyelaras risiko bersama dengan Pemilik Risiko (Dekan) dan Pemunya Risiko (TD dan KPP) ACIS UiTM Shah Alam, bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan merekod data risiko bagi unit/bahagian masing-masing. Data risiko yang telah direkodkan kemudian dibentangkan dalam mesyuarat JPR. Sebagai contoh, risiko BT yang telah dikenal pasti oleh Unit ICAN dan PJI masing-masing dapat dilihat pada (**IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2_B02**).

Data risiko yang telah dibentangkan dalam mesyuarat JPR kemudian didaftarkan oleh penyelaras risiko dalam sistem Daftar Risiko (e-RMS) (**Bukti_4.4.2_B03**). Pemunya Risiko kemudian bertindak untuk merancang tindakan mitigasi terhadap risiko yang telah didaftarkan.

Seterusnya, **Mesyuarat Kedua JPR diadakan** untuk mengenal pasti risiko baru jika ada dan mengesahkan status tindakan mitigasi yang telah diambil untuk risiko sebelumnya (**Bukti_4.4.2_B04**) Daftar Risiko yang terkini dikemaskini selepas mesyuarat tersebut.

Pada akhir tahun, **Mesyuarat Ketiga JPR diadakan** untuk mengenal pasti risiko baru jika ada dan mengesahkan status tindakan pencegahan yang telah diambil untuk risiko sebelumnya. Aja Pemilik Risiko, Penyelaras Risiko dan Pemunya Risiko ditugaskan untuk merancang tindakan pencegahan berdasarkan risiko yang telah dikemukakan. Seterusnya, **daftar Risiko yang terkini dikemaskini** oleh Penyelaras Risiko pada atau sebelum tarikh yang diminitkan (**Bukti_4.4.2_B05**)

Carta alir pengoperasian pengurusan risiko ACIS UiTM Shah Alam seperti ditunjukkan pada (**Bukti_4.4.2_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB04_AC02_20241_IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2.B01.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC02_20242_IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB04_AC02_20243_IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB04_AC02_20244_IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB04_AC02_20245_IC2024_K04_Pengukuran 4.4.2_B05.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Elemen pengukuran dan penganalisaan BT adalah dibawah kawal selia Pejabat Jaringan Industri dan Alumni (PJIA). **Pengumpulan data berkaitan keterlibatan komuniti** dilaksanakan oleh Koordinator ICAN seterusnya dianalisa oleh Penyelaras PSTU ACIS. Berdasarkan PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU UiTM, Penyelaras PSTU akan membentangkan pencapaian PI di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) bagi tujuan pemakluman, pemantauan dan penambahbaikkan masa hadapan. **Hasil analisa** ini membuahkan cadangan tindakan penambahbaikkan yang direkodkan dalam minit untuk tindakan selanjutnya. (**Bukti_4.4.3_B01**).

Manakala Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Fakulti (MPE) juga memainkan peranan penting untuk pengawalseliaan program-program melibatkan KTP dan USR ACIS. Pengumpulan maklumat program adalah signifikan bagi tujuan pelaporan dan menentukan impak keberkesanan sesuatu program. (**Bukti_4.4.3_B02**).

Pengukuran pelaksanaan program komuniti yang cemerlang di ACIS dapat dilihat di dalam Laporan Audit Dalaman ACIS 2023. Hasil audit mendapati setiap aktiviti mempunyai pelaporan yang lengkap dan dipantau melalui mesyuarat di ACIS. (**Bukti_4.4.3_B03**). **Tindakan penambahbaikkan** bagi proses pelaporan ini dikukuhkan lagi dengan kewujudan Bengkel Taklimat Pendaftaran Prime & Info Smart ACIS yang disampaikan oleh Koordinator ICAN kepada semua warga ACIS. Bengkel ini bertujuan memastikan ahli akademik terutamanya Ketua Projek / P.I.C bagi sesuatu program memiliki maklumat dan pengetahuan berkaitan keperluan yang perlu ada di dalam setiap kertas kerja dan membuat laporan akhir program yang berkualiti serta selari dengan kehendak sistem-sistem di UiTM. Koordinator ICAN menyediakan inovasi Borang Info Smart dan Manual pendaftaran projek via sistem PRIME (STAR rating) bagi memudahkan setiap projek dilaporkan. Tindakan penambahbaikkan yang seterusnya ialah menerusi Bengkel KaSEH UiTM: Pemerkasaan Projek Komuniti yang disampaikan oleh ICAN UiTM iaitu Pengarah ICAN UiTM; Prof Madya Dr. Mahadir Ladisma kepada semua warga ACIS. Bengkel ini khusus bagi memastikan BT dapat dicapai dengan efektif dan efisien. (**Bukti_4.4.3_B04**).

Hasil analisa daripada pencapaian PI Komuniti ini telah dikongsi kepada semua warga ACIS menerusi Pembentangan Dekan di dalam Mesyuarat Staf Akademik dan disebarluaskan ke medium Facebook dan Buletin ACIS 2023. (**Bukti_4.4.3_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB04_AC03_20241_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.3_B01.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC03_20242_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.3_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB04_AC03_20243_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB04_AC03_20244_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.3_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB04_AC03_20245_IC2024_K04_PENGUKURAN 4.4.3_B05.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Secara umumnya, bersandarkan rujukan Objektif Kualiti ACIS, hasil analisa tindakan pencegahan risiko ACIS menunjukkan pembudayaan yang cemerlang dalam penambahbaikan kualiti di ACIS. Hal ini bukan sahaja memberi kesan yang baik terhadap budaya gerak kerja di ACIS, bahkan manfaatnya disebarluaskan kepada komuniti di luar UiTM.

Pencapaian ACIS boleh dinilai bermula akar umbi iaitu proses gerak kerja dalam kalangan warga ACIS. Yang menjadi keutamaan adalah pembudayaan gerak kerja yang efisien dalam kalangan warga ACIS yang membawa kepada penjimatan kos dan masa. Misalnya, pembudayaan **penggunaan medium atas talian sebagai platform pemusatan dokumen-dokumen penting fakulti** dalam kalangan warga ACIS. Antaranya adalah penggunaan Google Form, Google Drive, OneDrive, dan lain-lain. Hal ini memudahkan pengumpulan data-data penting untuk tujuan audit atau rujukan warga ACIS untuk urusan yang berkaitan. Selain itu, minit mesyuarat, kertas kerja program, laporan kewangan dan lain-lain semuanya telah melalui proses pendigitalan, iaitu disimpan secara atas talian. Ini dapat membantu proses pemantauan yang berkesan dan capaian yang mudah bagi mana-mana pihak yang memerlukan dokumen-dokumen tersebut (**Bukti_4.5_B01**).

Seterusnya, pembudayaan pelaporan hasil program yang rancak dan disebarluaskan melalui **media sosial rasmi** ACIS, keaktifan peranan pensyarah-pensyarah dalam perkongsian ilmu di **siaran perdana** (radio, rancangan televisyen), dan juga sumbangan dalam bentuk **tulisan** (artikel, akhbar). Aktiviti ini membuka ruang untuk meraikan kepakaran para pensyarah dan memberi latihan kepada para pensyarah untuk berhadapan dengan keperluan semasa masyarakat. Pembudayaan ini merupakan inisiatif yang paling relevan untuk memastikan capaian maklumat yang meluas bukan sahaja untuk komuniti UiTM, bahkan untuk komuniti di luar UiTM juga (**Bukti_4.5_B02**).

Galakan kepada warga ACIS boleh diraih dari pengiktirafan pencapaian dan khidmat yang disalurkan oleh warga ACIS. Dalam hal ini, pembudayaan ACIS terhadap **program penyampaian anugerah penghargaan staf** telah menjadi amalan yang kerap dilaksanakan di ACIS sebagai suatu inisiatif untuk memotivasikan staf-staf ACIS dalam mencapai KPI fakulti dan memberikan khidmat kepada masyarakat. Penyampaian anugerah ini dijalankan secara berkala iaitu ketika perjumpaan bulanan atau pada majlis keraian yang khusus dianjurkan untuk meraikan staf ACIS. Selain itu, pengiktirafan pencapaian ini juga diwujudkan melalui pembudayaan makluman dan ucapan tahniah oleh pihak pengurusan dalam media sosial rasmi ACIS dan juga kumpulan "WhatsApp" rasmi warga ACIS (**Bukti_4.5_B03**).

Seterusnya, keaktifan staf-staf ACIS dalam menyertai **program bersama komuniti** juga merupakan suatu amalan yang mendapat sambutan baik oleh warga ACIS. Program bersama komuniti ini merupakan inisiatif warga ACIS untuk menyumbang kepada masyarakat melalui kepakaran masing-masing. Antaranya adalah program "knowledge transfer", anjuran siri-siri webinar, dan juga khidmat masyarakat yang ditawarkan (**Bukti_4.5_B04**).

Secara umumnya, dengan wujudnya urus tadbir yang baik di ACIS dari peringkat pengurusan hingga unit ICAN telah memberi impak yang signifikan sehingga berjaya memperoleh **Anugerah Penjana Pendapatan Cemerlang** di peringkat universiti. Selain itu, pemantauan yang cemerlang dilakukan oleh pihak korporat ACIS melalui kekerapan mereka memuatnaik makluman-makluman penting berkenaan program tanpa gagal telah menyebabkan mereka meraih **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023** dalam kategori media sosial. Segala inisiatif dan gerak kerja yang diusahakan adalah penting sebagai pengukuran bagi memantau aktiviti yang dilaksanakan di fakulti, pada masa yang sama, menyumbang kepada ketampakan ACIS di peringkat komuniti luar (**Bukti_4.5_B05**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB05_20241_Lampiran Bukti IC2024_K04_PENGUKURAN 4.5_B01.pdf](#)

2. [F0052_A01_AB05_20242_LAMPIRAN BUKTI IC2024_K04_PENGUKURAN 4.5_B02.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB05_20243_LAMPIRAN BUKTI IC2024_K04_PENGUKURAN 4.5_B03.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB05_20244_LAMPIRAN BUKTI IC2024_K04_PENGUKURAN 4.5_B04.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB05_20245_LAMPIRAN BUKTI IC2024_K04_PENGUKURAN 4.5_B05.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Dalam usaha menjadikan ACIS sebuah organisasi kukuh dan sentiasa relevan, ACIS mengambil tindakan rapi dalam aspek pengurusan sumber tenaga manusia bermula dengan penentuan keperluan tenaga kerja, pengambilan tenaga kerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja dan kemajuan kerjaya tenaga kerja. Ianya melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Alumni, **Komuniti** dan Kesukarelawan (**J4KK**). Pengesahan pihak INQKA membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada **KOMUNITI**, direalisasikan melalui **TEMA ACIS WoW 2 Assist**.

Pembinaan budaya kerja efektif dan berkualiti secara menyeluruh dibina seawal perlantikan tenaga kerja sehingga tamat perkhidmatannya. Usaha ini diterjemahkan melalui Model Sistem 5P Holistik ACIS (Rujuk 5.4.1). Hasilnya, ACIS terus aktif berperanan penting dalam perkhidmatan selari dengan urus tadbir universiti dan KPT. ACIS makin berkembang maju sebagai sebuah akademi sejak ditransformasikan dari CITU ke ACIS. (Makluman berkaitan transformasi ACIS telah dinyatakan di K1-1.2 sebelum ini).

Pelaksanaan

Melalui Sistem 5P Holistik ACIS ini, penggunaan sumber manusia secara maksima dan efisien bagi penghasilan output kualiti cemerlang. ACIS memberi peluang kepada staf dalam persekitaran kerja kondusif untuk memastikan kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan dipenuhi di samping memberi perhatian kepada (pelanggan misi) dan warga UiTM.

Bagi memperkasakan KOMUNITI, kompetensi dalam 5P Holistik sumber tenaga kerja dinilai melalui tiga elemen kompetensi:

- a. **Professional Competency**: menyemak kelayakan akademik, sijil profesional, pengiktirafan serta pengalaman dalam bidang yang diceburi.
- b. **Personel Competency**: menilai sahsiah rupadiri termasuk aspek komunikasi, penampilan, pengurusan masa dan berusaha ke arah penambahbaikan.
- c. **Technical Competency**: menilai kompetensi generik yang berkaitan secara langsung dengan tugas dan tanggungjawab.

Penghargaan dan pengiktirafan kepada staf diberi melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang termasuk penghargaan lisan dan keraian. Staf baru berkahwin, mendapat cahayamata serta menyambut hari lahir turut diraikan. Staf yang sakit dan ditimpa ujian diziarahi bagi memberi sokongan moral. Pihak pengurusan turut menjemput rakan **KOMUNITI** dan pemegang taruh untuk hadir ke majlis bagi merapatkan hubungan.

Pengurusan ACIS terbuka dalam menerima maklumbalas/aduan secara terus demi meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi. Pengurusan Sumber Manusia di ACIS juga memberi maklumbalas melalui pelbagai medium seperti peti cadangan, telefon dan aplikasi Whatapps/Telegram serta sosial media. Hasil daripada maklumbalas tersebut, ACIS **melaksanakan tindakan penambahbaikan** seperti membuat perubahan organisasi dan bidang tugas, menambah bilangan staf serta menambahbaik sistem penyampaian dan infrastruktur.

ACIS telah melakukan inisiatif-inisiatif penting dalam melibatkan staf memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan KOMUNITI dalam keterlibatan aktiviti KOMUNITI. Ini terbina melalui MOU/MOA yang dihasilkan termasuk menggalakkan staf membina hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan serta geran penyelidikan yang diperolehi daripada **PEMEGANG TARUH** untuk pemantapan KOMUNITI.

Pemantauan

Bagi aspek pemantauan di ACIS dilaksanakan melalui Audit Dalam dan Luar. Unit Kualiti di ACIS membantu Pengurusan Kanan dalam membudayakan kualiti dalam perkhidmatan terutamanya melibatkan KOMUNITI. Pada masa yang sama, ACIS mematuhi dasar, polisi serta pekeling-pekeling yang dikeluarkan oleh pihak universiti termasuk juga kementerian serta agensi berkaitan seperti JAKIM.

Tindakan Penambahbaikan

ACIS sangat komited melaksanakan penambahbaikan terhadap sumber manusia dan perkhidmatan yang diberikan. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS serta diambil tindakan penambahbaikan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan ACIS telah melaksanakan kaedah pengurusan sumber manusia secara bersestematik melalui pendekatan berstruktur dan berstrategi bagi menguruskan sumber manusia di ACIS. Perkara yang dilaksanakan ini dapat memaksimumkan prestasi staf dan kepuasan bekerja bagi mencapai matlamat hasil secara keseluruhannya. Beberapa kaedah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Perancangan Sumber Manusia telah dirangka dari segi pengambilan staf akademik. ACIS telah membuat penambahan staf pada tahun 2023 sebanyak lima orang dan seorang daripadanya adalah pensyarah antarabangsa. Perancangan dan pengambilan staf ACIS ini juga berdasarkan keperluan dan ratio pelajar. Sebagai salah satu pusat pengajaran Mata Pelajaran Umum (MPU), pengambilan staf akademik dilaksanakan secara pengambilan bersasar. Ini dapat membantu pengurusan ACIS untuk membuat mengambil staf yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan minat yang sesuai dengan bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan yang mana dapat membantu meningkatkan kualiti dan kecekapan ACIS dalam bidang tujuhan iaitu Halal, Muamalat, Perundangan dan Pendidikan Islam. (Bukti 5.2.1)

2. Bagi memperkasakan lagi sumber manusia dalam bidang tumpuan, ACIS telah menganjurkan program-program yang melibatkan kemahiran mengajar seperti TOT (teaching of training), Pelan strategik bagi pembangunan staf, bengkel penyelidikan dan inovasi FRGS, Conference ICIS 2023 dan ZAWFI. Hasil dari penyelidikan dan inovasi ini sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan pembangunan modal insan yang berkeupayaan tinggi dalam mentransformasikan pendidikan ke arah Revolusi 5.0 (IR5.0) (Bukti FRGS, ICIS 2023) (Bukti 5.2.2)

3. Selain daripada itu, pengurusan ACIS sangat menggalakan penyumbangan kepakaran staf kepada masyarakat. Staf ACIS terlibat dalam Kursus profesional yang mendapat permintaan tinggi. Modul dikendalikan oleh jurulatih Halal yang diperakui ACIS oleh JAKIM dan meliputi modul selaras dengan piawai JAKIM. Setelah selesai modul dan lulus peperiksaan bersama pengesahan JAKIM, para peserta akan disahkan sebagai Eksekutif Halal oleh Lembaga Profesional Halal JAKIM. (Bukti 5.2.3)

4. Bagi memantapkan lagi kepakaran dikalangan staf ACIS Pengurusan ACIS juga memberi peluang untuk staf mendapatkan geran dalam serta menggalakan staff mendapatkan geran luar seperti geran FRGS. Terdapat banyak peluang penyelidikan baru yang ditemui dan dikembangkan mengikut kepakaran masing-masing. (Bukti 5.2.4)

Disamping beberapa kaedah dilaksanakan, ACIS juga memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf. Pengurusan ACIS melaksanakan perkara berikut dalam menyokong bidang tumpuan seperti:

1. Pengiktirafan Dan Penganugerahan Prestasi kepada individu atau pasukan telah dilaksanakan bagi menggalakkan penyelidik dan penulis mencapai hasil penyelidikan yang cemerlang. Hari anugerah staf telah dijalankan (Bukti staf dpt anugerah) yang mana ia adalah salah satu medium pemangkin dan inspirasi daripada prestasi cemerlang staf. Dalam majlis ini, sebanyak 11 anugerah dan 7 sijil penghargaan daripada tiga (3) bahagian utama telah disampaikan meliputi kategori Akademik (e-pembelajaran dan penyeliaan), Penyelidikan dan Inovasi (Penerbitan, perolehan geran, perundangan dan inovasi) serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. (Bukti 5.2.5)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_S01_SB02_20241_IC2024_T02_Tumpuan_5.1.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB02_20242_IC2024_T02_Tumpuan_5.2.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB02_20243_IC2024_T02_Tumpuan_5.2.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB02_20244_IC2024_T02_Tumpuan_5.2.4_B04.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB02_20245_IC2024_T02_Tumpuan_5.2.5_B05.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman staf dalam J4KK melalui kelayakan akademik, gred jawatan, keahlian badan profesional dan pengalaman industri. Pada tahun 2023, ACIS Shah Alam mempunyai 15 staf pentadbiran dan 90 staf akademik (**Lampiran 5.3.1**). Setiap staf digalakkan terlibat dalam kecemerlangan di UiTM melalui inovasi, penyelidikan, penulisan, jaringan kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta penglibatan dalam J4KK di dalam dan luar UiTM. Acis mempunyai beberapa kepakaran bidang antaranya Halal, Muamalat, Syariah dan Pendidikan Islam. Justeru itu, pengurusan kanan banyak memberi motivasi kepada staf dan pelajar untuk memberi sumbangan kepada komuniti. Kepakaran staf dilihat melalui penglibatan kepada komuniti melalui J4KK seperti menjadi tenaga pengajar, sukarelawan dan bekerjasama dengan fakulti UiTM yang lain, beberapa industri, sekolah, Masjid dan Sekolah untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran masyarakat. Pengurusan Kanan ACIS berpandangan bahawa khidmat kepada komuniti masyarakat adalah sangat penting untuk memupuk perasaan muhibbah antara komuniti dan UiTM.

Tahun 2023 merupakan tahun yang terpenting untuk ACIS kerana tahun tersebut ACIS telah berjaya mengadakan pelbagai aktiviti komuniti yang memberi impak positif kepada masyarakat. Dengan sokongan daripada pengurusan kanan ACIS, ramai pelajar dan staf telah melibatkan diri menyokong aktiviti kemasyarakatan (**Lampiran 5.3.2 dan Lampiran 5.3.3**). Antara penglibatan tersebut termasuklah menulis di dada akhbar, menyampaikan ceramah di beberapa masjid di Shah Alam dan Selangor, menjadi penceramah jemputan di UFM radio dan rancangan selamat pagi dalam rancangan television, berkongsi ilmu di beberapa sekolah seperti di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor, Sek Kebangsaan Sek 18, berkolaborasi dengan industri seperti Termidzi Center untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat setempat dan seumpamanya. Penyertaan staf, pelajar dan Alumni ini diterima baik, malahan ada di antara komuniti masyarakat menjemput ACIS untuk bersama mereka bagi menjayakan beberapa program ilmiah dan kemasyarakatan.

Berikut merupakan antara latihan dan program yang disokong oleh Pengurusan Kanan ACIS bagi menggalakkan penglibatan semua dalam J4KK:

- i- Senarai program Alumni (**Lampiran 5.3.2**)
- ii- Senarai program Komuniti (**Lampiran 5.3.3**)
- iii- Senarai Latihan persediaan staf, pelajar dan Alumni sebelum bersama Komuniti (**Lampiran 5.3.4**)

Antara sokongan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan dalam menggalakkan J4KK ialah:

- i- Merangka aktiviti komuniti dan kemasyarakatan dan mengiklankan di talian kumpulan Whatsapp fakulti dan FB rasmi ACIS.
- ii- Memberi sokongan kepada staf untuk mengadakan aktiviti kemasyarakatan
- iii- Mencari rakan kolaborasi untuk menjayakan aktiviti kemasyarakatan
- iv- Turut serta menyertai dan menjayakan aktiviti kemasyarakatan yang diadakan.
- v- Memberi penghargaan kepada staf yang telah menyertai sebarang aktiviti J4KK.
- vi- Setiap aktiviti J4KK akan di kongsi dalam platform facebook rasmi ACIS (**Lampiran 5.3.5**) untuk tujuan pemakluman serta memperkukuh imej dan menarik minat pihak luar untuk menjadi rakan kolaborasi dengan ACIS

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB03_20241_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.3.1.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB03_20242_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.3.2.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB03_20243_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.3.3.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB03_20244_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.3.4.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB03_20245_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui Model 5P Holistik ACIS (Lampiran 5.4.1(B01)), ACIS merancang secara sistematik untuk menentukan faktor utama dan instrumen yang memberi kesan terhadap kepuasan hati dan penglibatan sumber tenaga kerja. Antara penentu faktor utama dan instrumen yang memberi kesan kepuasan hati sumber tenaga kerja adalah melalui elemen penglibatan, kejayaan dan anugerah yang diperolehi serta melalui maklumbalas pelanggan. Petunjuk faktor penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja di ACIS pada setiap segmen adalah seperti pada Rajah 5.1: Lampiran 5.4.1(B02).

ACIS amat mengambil berat berkaitan hal ehwal penumpuan tenaga kerja bagi menjayakan visi dan misi ACIS. ACIS amat yakin kejayaan sesebuah organisasi itu terletak kepada perkasanya sumber tenaga manusia yang mantap dari segi intelektual, fizikal dan juga spiritual. Faktor ini seterusnya memberi kesan dengan tindakan sumber daya manusia seperti gaya kepimpinan, merit dalam penilaian prestasi, kenaikan pangkat, khidmat cemerlang, tenaga kerja pentadbiran, contoh perhimpunan bulanan dan sistem penghargaan seperti ucapan terima kasih, tahniah dan takziah.

Melalui kejayaan dan anugerah, hasil penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja terbukti melalui beberapa kejayaan dan yang diterima di peringkat dalam dan luar negara: Lampiran 5.4.1(B03).

Medium lain secara luaran bagi penentuan ini yang diadaptasikan dalam sistem adalah melalui maklumbalas contoh Borang Kepuasan Pelanggan, Peti Cadangan, Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja, sama ada pada segmen akademik, penasihat agama atau tenaga kerja pentadbiran.

Bagi proses pemantauan dan penambahbaikan secara khusus pula, ACIS menjalankan Audit Dalam dan Audit Luar. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS. Hasil ini digunakan untuk tindakan penambahbaikan dan kaji semula pengurusan agar ACIS kekal relevan di peringkat nasional Rujuk 5.4.1 (B03) dan antarabangsa: Rujuk 5.4.1(B04). Kesemua usaha dan tindakan ini dalam untuk memastikan bahawa **Pemantauan dilaksanakan dan hasil pemantauan dianalisa bagi penambahbaikan dan dimaklumkan kepada staf, pelajar dan pemegang taruh ACIS.**

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_S01_SB04_SC01_20241_IC2024-K05_STAF-B01-5.4.1 Model 5P.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC01_20242_IC2024_K05_STAF-B02-5.4.1 RAJAH 5.1-Terkini.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC01_20243_IC2024_K05_STAF-B03-5.4.1 Anugerah Dalam Negara.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC01_20244_IC2024_K05_STAF-B04-5.4.1 Anugerah Luar Negara.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB04_SC01_20245_IC2024_K05_STAF-B05-5.4.1 MINIT MKSP BIL 1 2023.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko, punca risiko dan tindakan pencegahan **TELAH** didaftarkan dalam Daftar Risiko ACIS Tahun 2024 (Bukti 5.4.2A). Risiko berkaitan sumber manusia didaftar di perkara no. 3 iaitu berkaitan risiko aktiviti J4KK dapat diminimumkan di kalangan warga ACIS. Dalam konteks risiko ini, Pengurusan **ACIS TELAH MELAKSANAKAN** langkah – langkah proaktif atau pencegahan dengan melaksanakan beberapa aktiviti seperti:

- Penganjuran **BANGKEL PERANCANGAN STRATEGIK 2023** (Bukti 5.4.2.1B) di mana program ini menggalakkan warga ACIS untuk lebih giat melaksanakan program bagi memantapkan J4KK. Program ini juga bukan hanya dihadiri oleh warga ACIS sahaja malahan penyertaan dari kalangan semua cawangan ACIS termasuk Sabah dan Sarawak. Hasil bengkel ini adalah bagi tujuan merangka lebih banyak program komuniti, alumni dan sukarelawan. Kedua, dengan adanya bengkel ini dapat memaksimumkan penglibatan warga ACIS dengan meletakkan PIC bagi setiap program dan aktiviti yang dirancang. Hasilnya, daripada bengkel ini, ACIS berjaya memenuhi 100% sasaran PI075 DAN PI078 pada tahun 2023 (Bukti 5.4.2.2B)
- Pelaksanaan **Bengkel Penganjuran Program & Pelaporan ACIS 2023** (Bukti 5.4.2C). Bengkel ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada semua PIC berkaitan tatacara yang betul dalam menjalankan semua projek bersama komuniti dan industri yang terlibat sebelum semasa dan selepas melaksanakan program. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada tatacara yang betul bagi mengurangkan risiko kepada staf yang menjalankan program diluar dan didalam kampus.
- **Penglibatan pihak pertadbiran ACIS** dalam semua program yang melibatkan J4KK bagi memastikan warga ACIS sentiasa selamat untuk melaksanakan program alumni, komuniti dan sukarelawan sama ada di luar dan dalam kampus. Dekan dan Timbalan dekan bukan hanya memberi galakan dalam melaksanakan program pemantapan J4KK malah turut sama turun padang dalam program yang melibatkan warga ACIS (Bukti 5.4.2 D).
- Selain daripada penglibatan pihak pentadbiran, ACIS juga TELAH menyediakan **Prosedur Operasi Standard (SOP)** bagi melaksanakan program pemantapan J4KK (Bukti 5.4.2E). Ini adalah bagi memastikan risiko kecelakaan kepada staf dan warga ACIS dapat dibendung dan dielakkan. Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan ACIS bersama Unit Pengurusan Risiko ACIS TELAH merancang tindakan pencegahan risiko dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB04_SC02_20241_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA_5.4_2A CARTA ORGANISASI..pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC02_20242_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA_5.4_2B -BANGKEL PERANCANGAN STRATEGIK 2023.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC02_20243_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA_5.4_2C Bengkel Penganjuran Program & Pelaporan ACIS 2023..pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC02_20244_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA_5.4_2D JADUAL DEKAN BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB04_SC02_20245_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA_5.4_2E Prosedur Operasi Standard \(SOP\) PROGRAM.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan ACIS sentiasa memberi penekanan kepada pembentukan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif untuk memudahkan pelaksanaan tugas setiap staf. Usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif seperti penganjuran bengkel, latihan, program kerohanian, program riadah, dan pemberian anugerah kepada staf yang berjaya mengadakan aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, pengurusan kanan juga berusaha untuk meningkatkan produktiviti warga dengan menganjurkan beberapa program untuk memotivasikan dan meningkatkan semangat kemasyarakatan di kalangan staf. Antara program yang dilaksanakan adalah program pemerksaan Orang Kurang Upaya, Daurah Sama' Bersamad Mukhtasar Imam al-Buwayti, Enhancing Academic Writing Skill Using Chatgpt Ai Technology, . Beberapa aktiviti yang berkaitan dengan happiness index juga turut dijalankan bagi memenuhi PI ACIS dan meningkatkan Happiness Index ACIS seperti aktiviti pemulihan rohani melalui bacaan yasin bersama-sama, gotong royong dan menggalakkan staf menyertai aktiviti kolaborasi berbentuk kemasyarakatan. (Lampiran 5.4.3.1). Maklum balas staf juga sentiasa dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan untuk penambahbaikan secara menyeluruh melalui perjumpaan secara terus pengurusan Kanan ACIS bersama staf ACIS dan menganjurkan latihan perkembangan staf(Lampiran 5.4.3.2). Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah penting untuk meningkatkan kepuasan hati warga ACIS, meningkatkan produktiviti serta keberkesanan perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan (Lampiran 5.4.3.3).

Setiap tahun, ACIS melaksanakan Mesyuarat Fakulti (Lampiran 5.4.3.3), Ia menjadi salah satu medan untuk staf mendapat maklumat berkaitan pencapaian ACIS, memberi pandangan, pendapat dan mengutarakan masalah yang dihadapi serta dapat mewujudkan suasana serta persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif. Maklumat dan hebahan berkaitan Perancangan Strategik ACIS sentiasa disebarluaskan dan dimaklum secara berkala berkaitan pencapaian semasa di dalam Mesyuarat Pengurusan ACIS, email rasmi ACIS, media sosial ACIS dan juga melalui Buku Pensejajaran Perancangan Strategik ACIS.

Setiap maklum balas dan aduan tidak pernah dianggap enteng oleh pengurusan ACIS. Daripada laporan audit berkaitan aduan Infrastruktur ACIS berkaitan WIFI yang kurang baik di bangunan Cempaka 4 dan Cempaka 5 (pejabat pentadbiran dan bilik pensyarah). Surat permohonan tindakan TELAH diberikan kepada pihak Infostruktur Kampus Shah Alam agar tindakan segera dapat dilaksanakan. Bagi menyokong aktiviti penyelidikan, laporan audit berkaitan aspek kekemasan ruang juga diambil kira oleh pengurusan ACIS. Aktiviti gotong royong telah diadakan secara kolektif bagi memastikan kelancaran penyelidikan di ACIS dan mewujudkan suasana kerja yang harmoni. (Lampiran 5.4.3.4)

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB04_SC03_20243_IC2024_T02_Tindakan_5.4.3.3.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC03_20244_IC2024_T02_Tindakan_5.4.3.4.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC03_20243_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.4.3.1.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC03_20244_IC2024_K05_SUMBER MANUSIA 5.4.3.2.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam bidang tumpuan J4KK telah mencapai tahap yang positif di kalangan warga ACIS. Budaya yang telah dibentuk dan memberi kesan yang signifikan dalam pelbagai aspek, termasuk kepakaran, penyelidikan dan inovasi. Budaya **SINERGI SUMBER MANUSIA, PEMANGKIN PEMBANGUNAN KOMUNITI** telah membawa kepada kerjasama yang erat antara warga ACIS dan agensi luar seperti badan profesional, korporat, komuniti, dan masyarakat dengan cara:

- Menjemput dan melibatkan agensi luar dalam program yang dianjurkan warga ACIS (Bukti 5.5 1A) dengan cara menghantar surat jemputan kolaborasi kepada NGO, komuniti dan alumni.
- Keberkesanan tindakan **KETERLIBATAN AGENSI LUAR** dan komuniti dalam J4KK telah membuka ruang dan peluang kolaborasi yang lebih banyak. Ini termasuk **PENYELIDIKAN BERSAMA, PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN, SERTA PROJEK-PROJEK KEUSAHAWANAN** (Bukti 5.5 1B). Ini selari dengan **OBJEKTIF KUALTI ACIS** pada no 7 iaitu mencapai geran RM 1 Juta menjelang 2025 (Bukti 5.5 2B). Keadaan ini membuktikan bahawa warga ACIS dapat bekerjasama dengan agensi luar secara efektif bagi mencapai matlamat bersama **SINERGI SUMBER MANUSIA, PEMANGKIN PEMBANGUNAN KOMUNITI**
- Selain itu, staf juga turut diberi galakan menghasilkan inovasi yang mampu memberi manfaat kepada komuniti seperti contoh, dengan inisiatif dan suntikan yang telah diberikan barisan pentadbiran ACIS, Ustazah Hanifah telah masuk **PERTANDINGAN INOVASI** iaitu iindex pada tahun 2023 dan mendapat perak bagi **KERANGKA MODEL SUKARELAWAN DIGITAL** yang telah dibangunkan. Tidak terhenti disitu, selepas menang inovasi ini, Ustazah Hanifah beserta dengan ahli kumpulan yang terdiri daripada warga ACIS juga telah mengaplikasikan kerangka model sukarelawan yang telah dibina semasa melaksanakan kerja komuniti pada tahun ini. (Bukti 5.5 1C).
- Tidak terhenti disitu, kesan daripada kerja sukarelawan ini, warga ACIS sekali diperlawakan untuk masuk ke pertandingan bubur lambuk dan merangkul tempat ke dua. Duit hasil daripada kemenangan tersebut telah dikongsikan bersama dalam program Sambutan Hari Raya dengan menjemput semua komuniti yang pernah bersama-sama ACIS dalam program sukarelawan. Hasil daripada inovasi ini juga, turut memberi manfaat kepada komuniti Masjid Nurul Saadah Mukim Kota Setia, Teluk Intan Perak. semasa program berbuka puasa anjuran bersama ACIS dan Fakulti Perniagaan khusus serta dapat menganjurkan projek CSR Gerobok Rezeki Ramadan kerjasama TV9 (Media Prima) dengan BCKK dan ACIS (Bukti 5.5 1D)
- Semua jasa dan bakti serta kemenangan yang telah ditonjolkan ACIS telah memenangi **ANUGERAH TRANSFORMASI KECEMERLANGAN KETAMPAKAN DI MEDIA SOSIAL, ANUGERAH TRANSFORMASI KECEMERLANGAN *TURNING GLOBAL MARKETABLE STAFF AND EXCELLENT SUPPORTING STAF* DAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PRESTASI** bersempena **ANUGERAH KECEMERLANGAN PRESTASI UNIVERSITI** pada 30 Mei 2024. Diperingkat ACIS pula, semua warga ACIS yang telah menyumbang kepada program sosial ini telah diberi sijil penghargaan atas komitmen yang telah ditunjukkan J4KK. Ini memberi keyakinan dan semangat kepada warga ACIS untuk terus meningkatkan dan memperbaiki prestasi mereka dalam bidang tumpuan yang dipilih. Ketampakan dan Kredibiliti Kepakaran: **SINERGI SUMBER MANUSIA, PEMANGKIN PEMBANGUNAN**

KOMUNITI di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan penglibatan sebagai pakar rujuk, penceramah/fasilitator, jururunding, panel penilai, pensyarah pelawat serta penglibatan staf dalam ahli akademi kebangsaan/ badan profesional/ persatuan atau kementerian, kepakaran staf dapat ditonjolkan dalam usaha menjayakan JA2K. (Bukti 5.5 1E).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB05_20241_IC2024_K05_INTEGRASI_5.5_1A PENGLIBATAN PROGRAM.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB05_20242_IC2024_K05_INTEGRASI_5.5_1B PENYELIDIKAN BERSAMA KOMUNITI.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB05_20243_IC2024_K05_INTEGRASI_5.5_1C KERANGKA MODEL SUKARELAWAN DIGITAL.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB05_20244_IC2024_K05_INTEGRASI_5.5_1D INOVASI.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB05_20245_IC2024_K05_INTEGRASI_5.5_1E PENGHARGAAN.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Seiring dengan halatuju Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke arah *Globally Renowned University* yang **berketerampilan dan mesra masyarakat**, ACIS komited dalam melebarkan khidmat kepada komuniti melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Ia melibatkan **perancangan program yang sistematik** dengan penyediaan kertas kerja oleh ketua projek, pembentangan kertas kerja, semakan kriteria, **pelaksanaan program, pemantauan status pelaksanaan program, pelaporan program dan penambahbaikan** yang berterusan melalui pengurusan risiko dan kajian semula operasinya.

Perancangan operasi ini adalah hasil daripada **Bengkel Plan Strategik** yang telah dijalankan di peringkat fakulti di mana ia ditetapkan dengan petunjuk prestasi bagi memastikan kelancarannya. Proses-proses utama ini **dirancang secara rapi oleh unit-unit yang berkenaan yang terdapat dalam bahagian ICAN ACIS dan HEP ACIS**. Proses ini diselia oleh pegawai bertanggungjawab di setiap bahagian dan unit dan sentiasa dipantau, dikaji semula dan ditambah baik melalui mesyuarat dalaman. Indek prestasi utama dan matlamat strategik terhadap kolaborasi bersama komuniti dibangunkan, dipantau dan dinilai. Petunjuk prestasi yang digunakan ialah **pencapaian penglibatan staf dan pelajar ACIS bersama komuniti melalui aktiviti kesukarelawan**. Antara program yang dilaksanakan adalah **Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40 (KTP-PPPAB40 2023) dengan kerjasama Maybank, Karnival Pemantapan Syariah & Ukhuwah ACIS-PNB, Interactive Muamalat Expo, Kembara Korban 1001 Asnaf, Program CSR ke university Negeri Jakarta, Sukarelawan Bubur Lambok Ramadhan, Sukarelawan Ibadah Korban MSSAS, Kesedaran Logo-logo Halal Di Seluruh Dunia (SULAM), Empowering Muslim Community: Halal Perspective From The Industry (SULAM), Halal School Attack** dan banyak lagi.

Pihak ACIS UiTM sentiasa memastikan perjalanan aktiviti operasi utama **disemak dan dipantau dengan teliti** bagi memastikan aktiviti yang telah dilaksanakan mencapai objektif yang digariskan. Perjalanan operasi ini melibatkan jaringan kerjasama dan pantauan dari ICAN, HEP dan HEA. Aktiviti yang dijalankan dibawah TDPJI/ICAN akan dipantau melalui laporan dalam **sistem Star Rating**. Melalui sistem ini **rating akan diberikan** bagi setiap projek yang dilaksanakan bergantung kepada impak yang disumbangkan kepada komuniti. Bagi aktiviti pelajar pula **pemantauan dilaksanakan melalui sistem SmartHEP**. Semua program pelajar yang dilaksanakan akan direkodkan di dalam sistem ini kemudian disahkan diperingkat fakulti dan seterusnya pejabat TNC HEP akan membuat pemantauan bagi menilai sejauh mana impak dan pencapaiannya untuk penambahbaikan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ACIS telah ditubuhkan bagi **memastikan segala risiko berkaitan operasi utama dikawal dan diselia** sebaiknya dalam **menghasilkan proses kerja yang lebih efisien**. Selain daripada itu **pemantauan dibuat melalui beberapa lapisan audit** seperti InQKA dan audit dalaman ACIS sendiri. **Penambahbaikan melalui pelaporan dibuat setiap bulan di dalam mesyuarat Pengurusan Dalaman ACIS** di mana setiap unit strategik akan membentangkan pencapaian serta pelaporan untuk memastikan keseluruhan unit PTJ dan staf beroperasi secara bersama, juga mengenalpasti KPI yang masih belum dicapai dan menumpukan kepada kolaborasi bersama bagi memenuhi pencapaian.

Pembudayaan aktiviti bersama komuniti ini telah dimantapkan untuk mencapai PI universiti selari dengan peranan warga ACIS sebagai peneraju pendidikan Islam di peringkat universiti dan juga kepada **komuniti yang memerlukan sumbangan kepakaran daripada warga ACIS**. Kesemua program yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah hasil komitmen padu semua warga ACIS dalam mendokong semangat untuk memastikan keterlibatan ACIS bersama komuniti bagi memastikan keberhasilan **ACIS Wow to Assist**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Operasi komuniti, kesukarelawan dan alumni ACIS diselaraskan oleh bahagian Industry, Community and Alumni Network (ICAN) ACIS. ICAN ACIS secara proaktif menggariskan pendekatan tertentu seperti proses **perancangan secara sistematik, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan sesuatu program/projek, seperti carta alir dilampirkan (Bukti_6.2_B01)**

Proses-proses utama bagi bidang tumpuan (BT) memberi fokus kepada aktiviti bersama **komuniti**, dihubungkan dengan pencapaian berikut:

1. Penglibatan staf bersama komuniti
2. Penglibatan pelajar bersama komuniti
3. Pencapaian pelajar dan staf dalam aktiviti kesukarelawanan

Perancangan operasi ini adalah hasil daripada **Bengkel Plan Strategik** yang telah dijalankan di peringkat fakulti (**Bukti_6.2_B02**), di mana ia ditetapkan dengan petunjuk prestasi bagi memastikan kelancarannya. Proses-proses utama ini **dirancang secara rapi oleh unit-unit yang berkenaan yang terdapat dalam bahagian ICAN ACIS** seperti unit Jaringan Komuniti, Hubungan Industri, Jaringan Alumni, MoU dan Media & Publisiti. **Proses ini diselia oleh pegawai bertanggungjawab di setiap bahagian dan unit dan sentiasa dipantau, dikaji semula dan ditambah baik** melalui mesyuarat dalaman. (**Bukti_6.2_B03**) Proses-proses utama ini yang mendukung BT sentiasa diukur keberkesanannya dengan mengambil kira aspek inovasi.

Berpandukan pendekatan Plan Do Check Act (PDCA), operasi program bersama komuniti dirancang agar seiring dengan hala tuju universiti. Perancangan aktiviti menerapkan elemen **kolaborasi yang melibatkan pelbagai pihak** luar yang berkepentingan bagi menyokong dalam aspek kewangan dan guna tenaga. (**Bukti_6.2_B04**) Terdapat pendekatan yang dilakukan berkaitan operasi komuniti, kesukarelawan dan Alumni ACIS yang melibatkan beberapa aktiviti. Antara program yang dijalankan bersama komuniti ialah **Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40 (KTP-PPPAB40 2023) Bersama Maybank, Karnival Pemantapan Syariah & Ukhuwah ACIS-PNB, Interactive Muamalat Expo, Kembara Korban 1001 Asnaf, Program CSR ke university Negeri Jakarta, Sukarelawan Bubur Lambok Ramadhan, Sukarelawan Ibadah Korban MSSAS, Kesedaran Logo-logo Halal Di Seluruh Dunia (SULAM), Empowering Muslim Community: Halal Perspective From The Industry (SULAM), Halal School Attack** dan banyak lagi.

Operasi ICAN ACIS meliputi pelbagai pihak yang terlibat yang memberi manfaat terutamanya kepada pelajar dan masyarakat luar. Ia dapat dilaksanakan melalui **pemindahan ilmu dan khidmat sosial untuk kemaslahatan komuniti, meningkatkan keupayaan komunikasi dan penyelesaian masalah bersama**. Selain itu membuat penjana dana di kalangan staf, pelajar, alumni dan orang awam serta memberikan sumbangan dana tersebut kepada komuniti yang memerlukan di bawah **program-program tanggungjawab sosial fakulti** melalui Jawatankuasa Kebajikan Staf, Persatuan Pelajar serta kolaborasi dengan pihak industri dan NGO. ACIS menggunakan **pendekatan bersepadu dan inovatif** bagi memastikan keberhasilan **ACIS Wow to Assist**. Pengukuran pencapaian dalam bidang tumpuan BT dibuat melalui indek pencapaian (PI) BTU. (**Bukti_6.2_B05**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_O01_OB02_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.2_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB02_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB02_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.2_B03.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB02_20244_IC2024_K06_OPERASI 6.2_B04.pdf](#)

5. [F0052_O01_OB02_20245_IC2024_K06_OPERASI 6.2_B05.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sepanjang tahun 2023, ACIS telah menjalankan pelbagai usaha yang menjurus kepada **penglibatan dan jalinan bersama alumni, komuniti dan kesukarelawanan**. Perluasan terhadap elemen ini mendorong kepada ketampakan ACIS secara khusus dan UiTM secara umum disegenap lapisan masyarakat, negara dan antarabangsa. Justeru, koordinator dan penyelaras yang telah dilantik sentiasa memberi tumpuan kepada operasi yang melibatkan usahasama antara warga ACIS **bersama alumni, dan komuniti**. Setiap operasi yang dilaksanakan samada aktiviti bersifat dalaman atau luaran, keutamaan akan diberikan untuk mewujudkan penglibatan pihak **alumni dan komuniti yang berteraskan kesukarelawanan**. Melalui Garis Panduan Jaringan Industri, Standard Operation Procedure (SOP) dan senarai semak, setiap operasi pelaksanaan kepada perkara yang dinyatakan perlu mematuhi elemen-elemen yang telah dinyatakan. Perincian operasi adalah seperti berikut.

1. KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP) PEMANTAPAN & PEMANTAUAN PENJAJA ASNAF & B40 (KTP-PPPAB40 2023) PULAU PANGKOR, PERAK

Projek KTP yang dikenali sebagai “**Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40**” bermatlamat untuk **mencelik minda, meningkatkan ilmu pengetahuan dan melestarikan aktiviti kehidupan komuniti** yang mampan kepada **44 orang penjaja muslim berdaftar di Pulau Pangkor**. Dijalankan pada **6 – 8 Mac 2023 dan 19 – 21 Jun 2023** dengan kaedah perkongsian ceramah oleh **subject matter expert** dan **alumni ACIS** yang berpengalaman dalam bidang perniagaan. (*Bukti_6.3_B01*).

2. KARNIVAL PEMANTAPAN SYARIAH DAN UKHUWWAH ACIS-PNB (KaPSU) 2023

Dijalankan pada **30-31 Disember 2023** di 3 lokasi berbeza iaitu di Masjid Jamek Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Kampung Air Kuning, Bukit Bandaraya Shah Alam. Program anjuran ACIS bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama ZAWAF UiTM, Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan masyarakat Orang Asli Kampung Air Kuning, Bukit Bandaraya Shah Alam. Penglibatan seramai **200 orang ahli kariah MJAR, 15 orang jururawat HTAR dan 55 keluarga orang asli** (*Bukti_6.3_B02*).

3. INTERACTIVE MUAMALAT EXPO 2023

Dijalankan pada **25 November 2023** bertempat di **Masjid Kota Damansara, Petaling Jaya** anjuran ACIS dan **Jawatankuasa Masjid Kota Damansara** ini memberi fokus mewujudkan **nilai kepimpinan dan semangat kerja berpasukan** di kalangan pelajar terutama dalam melaksanakan sesuatu program komuniti. Disamping memberi kefahaman secara menyeluruh kepada masyarakat berkenaan dengan **sistem kewangan Islam** (*Bukti_6.3_B03*).

4. PROGRAM KTP-USR KEMBARA KORBAN 1001 ASNAF DAN PENGAGIHAN DAGING KORBAN UiTM

Dilaksanakan pada **8 Jun 2023 – 26 Julai 2023** anjuran ACIS bersama **Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) dan Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf UiTM (ZAWAF)**. Objektif program adalah untuk menzahirkan **kerjasama ACIS bersama industri & komuniti** disamping berkongsi rezeki dengan masyarakat sebagai penerima daging korban khususnya daripada golongan asnaf. Seramai **226 peserta korban** telah mendaftar, mereka terdiri daripada kalangan warga UiTM, Alumni UiTM dan masyarakat luar (*Bukti_6.3_B04*).

5. PROGRAM PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA PELAJAR YATIM & ASNAF

Dilaksanakan pada **26 Mac 2023** bertempat di SK Lendu, Alor Gajah, Melaka anjuran ACIS bersama **Islamic Relief Malaysia** dan **CIPSF UiTM Melaka** melalui **PIBG SK Lendu**. Bertujuan menyantuni 75 orang murid yang tergolong dalam kalangan **asnaf & yatim** telah dikenalpasti

untuk diberikan bantuan dengan keseluruhan kos adalah sebanyak **RM15,000.00 (Bukti_6.3_B05)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB03_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.3_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB03_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.3_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB03_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.3_B03.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB03_20244_IC2024_K06_OPERASI 6.3_B04.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB03_20245_IC2024_K06_OPERASI 6.3_B05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak ACIS UiTM sentiasa memastikan perjalanan aktiviti operasi utama **disemak dan dipantau dengan teliti** bagi memastikan aktiviti yang telah dilaksanakan mencapai objektif yang digariskan dan sejajar dengan tema **ACIS WoW to Assist**. Ini penting supaya impak yang diinginkan bagi setiap aktiviti dapat disalurkan dengan berkesan kepada universiti, komuniti dan industri luar.

Perjalanan operasi ini melibatkan jaringan kerjasama dan pantauan dari ICAN, HEP dan HEA. Aktiviti yang dijalankan dibawah TDPJI akan dipantau melalui laporan dalam **sistem Star Rating**. Melalui sistem ini **rating akan diberikan (Bukti_6.4.1_B01)** bagi setiap projek yang dilaksanakan bergantung kepada impak yang disumbangkan kepada komuniti. Bagi aktiviti pelajar pula pemantauan dilaksanakan melalui sistem SmartHEP. Semua program pelajar yang dilaksanakan akan direkodkan di dalam sistem ini kemudian disahkan diperingkat fakulti. Seterusnya pihak HEP induk akan membuat pemantauan keatas aktiviti yang telah direkodkan bagi menilai sejauh mana impak dan pencapaiannya untuk penambahbaikan **(Bukti_6.4.1_B02)**.

Selain itu, **laporan dari hasil soal selidik (Bukti_6.4.1_B03)** juga akan diambil kira bagi **menambah baik program** sedia ada. Semua aktiviti pelajar yang melibatkan komuniti dan kesukarelawanan seperti kursus ServiceLearning Malaysia- University For Society (SULAM) juga akan dinilai dan dipantau melalui Star Rating ini juga. **Laporan-laporan aktiviti ini adalah diwajibkan** bagi setiap pelaksana supaya **penambahbaikan berterusan** dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Disebabkan pemantauan berterusan yang dijalankan **indeks pencapaian aktiviti ACIS menunjukkan trend peningkatan** dari tahun 2020 hingga 2023 **(Bukti_6.4.1_B04)**.

Pelbagai aktiviti dan program dilaksanakan untuk memastikan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan di **integrasikan** lagi seiring dengan Plan Strategik UiTM 2025 yang menjadi pemacu kepada ACIS untuk bergerak ke depan. Antara program yang dilaksanakan adalah: Maybank:Komuniti Pulau Pangkor, Karnival Pemantapan Syariah & Ukhuwah ACIS-PNB, Interactive Muamalat Expo, Kembara Korban 1001 Asnaf, Program CSR ke Universiti Negeri Jakarta, Sukarelawan Bubur Lambok Ramadhan, Sukarelawan Ibadah Korban MSSAS, Kesedaran Logo-logo Halal Di Seluruh Dunia (SULAM), Empowering Muslim Community: Halal Perspective From The Industry (SULAM), Halal School Attack dan banyak lagi **(Bukti_6.4.1_B05)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_O01_OB04_OC01_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.4.1_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC01_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.4.1_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC01_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.4.1_B03.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB04_OC01_20244_IC2024_K06_OPERASI 6.4.1_B04.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB04_OC01_20245_IC2024_K06_OPERASI 6.4.1_B05.pdf](#)
6. [F0052_O01_OB04_OC01_20241_BUKTI 6.4.1.1.pdf](#)
7. [F0052_O01_OB04_OC01_20242_BUKTI 6.4.1.2.pdf](#)
8. [F0052_O01_OB04_OC01_20243_BUKTI 6.4.1.3.pdf](#)
9. [F0052_O01_OB04_OC01_20244_BUKTI 6.4.1.4.pdf](#)
10. [F0052_O01_OB04_OC01_20245_BUKTI 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

ACIS amat mementingkan pengurusan risiko bagi proses utama dalam bidang tumpuan dalam membantu pencapaian strategi. Jawantakuasa Pengurusan Risiko ACIS telah ditubuhkan bagi **memastikan segala risiko berkaitan operasi utama dikawal dan diselia** sebaiknya. Jawantakuasa ini berperanan sebagai **memacu pembudayaan** amalan pengurusan risiko yang berkesan dalam **menghasilkan proses kerja yang lebih efisien (Bukti_6.4.2_B01)** .

Pengurusan risiko bagi operasi utama di ACIS dikategorikan kepada **empat (4) tahap iaitu Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem**. Pengkelasan tahap ini ditentukan berdasarkan kemungkinan terjadinya insiden dalam keadaan tertentu yang memberi kesan negatif terhadap pelaksanaan operasi. Risiko yang telah dikenalpasti perlulah dikawal bagi menentukan kaedah tindak balas terbaik dalam membangunkan pelan pencegahan risiko. Semua risiko **didaftar di dalam Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS)** sebagai komitmen pelaksanaan proses-proses yang lebih sempurna. Sistem e-RMS diwujudkan untuk memantau risiko pelaksanaan aktiviti/program/fasiliti **(Bukti_6.4.1_B02)** .

Bagi penganjuran program dan aktiviti yang boleh terdedah kepada kekangan kewangan, risiko akan dikenalpasti dan didaftar dalam system e-RMS **bersama tindakan pencegahan**. Risiko tidak mencapai geran penyelidikan dalam membantu **menggalakan lagi aktiviti dan program bersama komuniti dikategorikan sebagai sederhana** kerana memberi impak kepada pencapaian PJI **(Bukti_6.4.1_B03)** .Tahap keselamatan bangunan yang berisiko tinggi serta kurang mencukupi untuk pelajar telah menyebabkan limitasi dalam pelaksanaan aktiviti dan program **(Bukti_6.4.1_B04)** .

Segala risiko-risiko ini akan sentiasa **dipantau dan beberapa langkah mitigasi** akan diambil bersesuaian dengan tahap risiko yang dihadapi. Risiko ini sentiasa dipantau melalui **pelaporan dalam mesyuarat** di peringkat fakulti sekurang kurangnya 3 kali setahun **(Bukti_6.4.1_B05)** .

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB04_OC02_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.4.2_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC02_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.4.2_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC02_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.4.2_B03.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB04_OC02_20244_IC2024_K06_OPERASI 6.4.2_B04.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB04_OC02_20245_IC2024_K06_OPERASI 6.4.2_B05.pdf](#)
6. [F0052_O01_OB04_OC02_20241_BUKTI 6.4.2.1.pdf](#)
7. [F0052_O01_OB04_OC02_20242_BUKTI 6.4.2.2.pdf](#)
8. [F0052_O01_OB04_OC02_20243_BUKTI 6.4.2.3.pdf](#)
9. [F0052_O01_OB04_OC02_20244_BUKTI 6.4.2.4.pdf](#)
10. [F0052_O01_OB04_OC02_20245_BUKTI 6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

ACIS **sentiasa memastikan kelancaran operasi** fakulti secara keseluruhan, sasaran petunjuk prestasi tahunan **dirangka, disemak dan diusahakan** secara berterusan bagi memastikan pencapaian setiap staf dan pelajar berada di tahap yang memuaskan. Hasil daripada Laporan Eksekutif Audit Dalam beberapa **tindakan penambahbaikan** telah dilakukan diperingkat pengurusan sebagai contoh membuat lawatan ke bilik kegiatan pelajar di bangunan akademik Cempaka 4. Ini bertujuan bagi melihat sendiri keadaan semasa fasiliti yang berada di bangunan tersebut(**Bukti_6.4.3_B01**) .

Bagi mempergiatkan jumlah permohonan geran dalam kalangan pensyarah, penganjuran bengkel-bengkel penulisan geran dan bengkel penerbitan dilaksanakan. Dana daripada geran diperolehi akan digunakan **bagi menjalankan usahasama dengan komuniti** (**Bukti_6.4.3_B02**).

Selain itu **bengkel Succession Planning Program** dijalankan di peringkat fakulti untuk menambah baik perancangan program dan aktiviti fakulti untuk tahun ke hadapan (**Bukti_6.4.3_B03**). Ini bertujuan **menambahbaik** pencapaian dan strategik ACIS dalam setiap tindakan dan penambahbaikan yang dikenal pasti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB04_OC03_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.4.3_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC03_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.4.3_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC03_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.4.3_B03.pdf](#)
- 4.
- 5.
6. [F0052_O01_OB04_OC03_20241_BUKTI 6.4.3.1.pdf](#)
7. [F0052_O01_OB04_OC03_20242_BUKTI 6.4.3.2.pdf](#)
8. [F0052_O01_OB04_OC03_20243_BUKTI 6.4.3.3.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan operasi bergantung kepada tindakan penambahbaikan yang berkesan. Pembudayaan bidang tumpuan (BT) diperingkat staf akademik telah dilaksanakan melalui **Sesi Townhall Dekan ACIS** bersama para pensyarah mengikut gred (**Bukti_6.5_B01**). Tujuan perjumpaan tertutup ini adalah untuk menyampaikan hasrat, hala tuju dan impian ACIS kepada semua pensyarah. Sesi yang diadakan secara dua hala ini disambut baik oleh staf akademik yang kebanyakannya **menyumbang secara aktif dan pantas dalam merealisasikan program dan aktiviti ACIS** yang berkaitan dengan BT.

Melalui program SULAM, para pelajar digalakkan untuk **mendekati komuniti sasaran** seperti peniaga kecil, pelajar sekolah rendah atau menengah, persatuan penduduk bahkan masyarakat di peringkat antarabangsa. Fasa pertama, para pelajar perlu mendengar perkongsian, latar belakang dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak komuniti tersebut, sebelum **menghubungkan ilmu pengetahuan teori dan praktis** bagi menawarkan solusi yang berkesan kepada pihak komuniti. Pelajar juga diberikan peluang untuk menilai prestasi rakan-rakan mereka melalui **Borang SULAM Peer Review** berdasarkan rubrik yang disediakan oleh penyelaras (**Bukti_6.5_B02**).

Selari dengan aspirasi Tanggungjawab Sosial UiTM di peringkat antarabangsa dan Agenda Pembangunan Mampan 2030, ACIS telah berkolaborasi dengan rakan strategik iaitu Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) bagi membolehkan **sumbangan daging korban kepada komuniti asnaf** diperluaskan lagi. Terdapat beberapa fasa seperti sebelum, semasa dan selepas yang telah dilalui oleh ACIS untuk menjayakan program pembudayaan ibadah korban ini (**Bukti_6.5_B03**). Hasilnya pada tahun 2023, seramai 280 orang peserta dalam kalangan staf UiTM serta ahli keluarga secara umumnya telah mengambil bahagian di dalam **program Kembara Korban 1001 Asnaf ACIS YBIM 2023**. Kemudian, daging korban sejuk beku ini telah diagihkan kepada asnaf, masyarakat orang asli dan sesiapa yang memerlukan. Sehubungan itu, ahli jawatankuasa telah dilantik bagi melancarkan proses agihan daging melibatkan staf pentadbiran dan pensyarah ACIS di kampus Selangor, Terengganu, Kelantan dan Pahang sebagai sukarelawan (**Bukti_6.5_B04**). Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima agihan daging korban di dalam Malaysia, malah agihan daging korban turut dilakukan di luar negara, dengan tumpuan pada tahun ini kepada asnaf di negara Chad dan Nigeria.

Manakala, projek komuniti di dalam negara telah dijalankan di Pulau Pangkor yang dikenali sebagai **Knowledge Transfer Programme - Pemantapan & Pemantauan Penjaja Asnaf & B40 (KTP-PPPAB40 2023)**. Program lanjutan kepada pembangunan penjaja ini dimantapkan lagi dengan ceramah keusahawanan dan **2 siri pemantauan pada bulan Mac dan Jun secara fizikal** menfokuskan kaedah pengurusan dan catatan urusan harian serta bulanan dan menguruskan risiko perniagaan. Semua peserta telah dipantau dengan menggunakan rekod dan rubrik penilaian yang merangkumi **7 aspek** pemantauan (**Bukti_6.5_B05**). Seramai 5 orang Peserta Cemerlang dan 10 orang Peserta Terbaik daripada usahawan yang komited telah berjaya mendapatkan tajaan aset dan modal perniagaan sebanyak daripada Maybank Islamic.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB05_20241_IC2024_K06_OPERASI 6.5_B01.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB05_20242_IC2024_K06_OPERASI 6.5_B02.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB05_20243_IC2024_K06_OPERASI 6.5_B03.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB05_20244_IC2024_K06_OPERASI 6.5_B04.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB05_20245_IC2024_K06_OPERASI 6.5_B05.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL UTAMA 3: KATEGORI SUMBER MANUSIA

Sinergi Sumber Manusia, Pemangkin Pembangunan Komuniti

1. Hasil Keterlibatan staf ACIS dalam keseluruhan aktiviti komuniti
2. Peningkatan Pencapaian KPI BTU berkaitan Komuniti.
3. Hasil Peningkatan Happiness Index.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik yang proaktif dan efisien bermula dari pengurusan fakulti sehingga kepada keseluruhan staff menatijahkan berlaku peningkatan pada aspek *visibility* warga ACIS dipentas komuniti. Hasil utama untuk kategori sumber manusia menekankan kepada **tiga (3) pencapaian utama** iaitu **keterlibatan staff ACIS dalam semua aktiviti komuniti, peningkatan pencapaian KPI BTU berkaitan komuniti dan peningkatan happiness index.** Pencapaian-pencapaian ini merealisasikan slogan *sinergi sumber manusia, pemangkin pembangunan komuniti.*

Staff ACIS dilihat bukan sahaja berperanan di dalam kampus tetapi sumbangan serta keterlibatan mereka sangat diperlukan di dalam komuniti bermasyarakat. Keperluan penglibatan ini sebagai usaha *transfer knowledge* berjalan. Kepakaran serta keilmuan yang dimiliki oleh staff ACIS mampu diambil manfaat oleh masyarakat. Melihat kepada tahap, pencapaian hasil keterlibatan staf ACIS dalam keseluruhan aktiviti komuniti berada di tahap yang sangat cemerlang. Slogan **#darikampuskekomuniti** sangat dekat dan signifikan ketika mana setiap dari staf ACIS turun ke lapangan **mencurahkan kepakaran dan keringat yang diperlukan komuniti.** Pertambahan aktiviti dan program dijalankan berbanding tahun sebelum adalah dipuji dan membanggakan. Peningkatan KPI BTU berkaitan Komuniti khususnya PI075 memberi mesej bahawa **staff ACIS sentiasa kekal bersemangat serta bersungguh-sungguh menyumbangkan keilmuan dan kepakaran kepada komuniti.** Pencapaian Happiness Index cukup baik dan memberangsangkan menyerlahkan lagi usaha ini bukan suatu paksaan.

Meninjau dari sudut tren, kemenjadian usaha *turun padang* ini kerana terdapat insentif atau dana untuk dijalankan aktiviti. Dan dana diperolehi hasil dari pembinaan *networking* pada industri. Ini memberi gambaran bahawa staff ACIS bukan sahaja memberikan khidmat mereka berdasarkan kepakaran dan keilmuan mereka sahaja, tetapi mengajak berusaha membawa industri luar bersama-sama dalam usaha ini.

Melihat kepada setiap usaha, keringat dan buah idea dicurahkan seluruh staff ACIS memberi petunjuk bahawa staff ACIS sangat terkehadapan dalam memberi sumbangan kepada komuniti dan tidaklah hanya berada dikampus menyelesaikan tugas hakiki sahaja. Diharapkan, usaha sebegini akan terus meningkat dan berterusan agar komuniti mendapat manfaat yang besar darinya.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0052_HB02_20241_AKNC 7_1 Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0052_HB03_20242_AKNC 7_1 TREND.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0052_HB04_20243_AKNC 7_1 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0052_HB05_20244_AKNC 7_1 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Pertama: Kategori Perancangan Strategik

ACIS & Keterlibatan Komuniti (Fokus kepada Komuniti)

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah menunjukkan komitmen yang teguh dalam melaksanakan program komuniti sepanjang tahun 2023, selaras dengan objektif strategik mereka. Pelaksanaan program seperti Program Celik Muamalat dan Kem Solat Bestari bukan sahaja memperkukuhkan hubungan antara institusi dan komuniti tetapi juga meningkatkan visibiliti ACIS di peringkat nasional dan global. Trend positif ini disokong oleh peningkatan ketara dalam penganjuran program, dengan dana yang diperuntukkan digunakan sepenuhnya setiap tahun. Meskipun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah komuniti yang mendapat manfaat, usaha berterusan ACIS menunjukkan tekad mereka untuk terus memberi impak positif. Sebagaimana peribahasa Inggeris menyebut, "Actions speak louder than words," dan dalam konteks ini, tindakan ACIS menggambarkan dedikasi mereka. Prinsip kerjasama yang erat antara ACIS dan komuniti, seperti yang tercermin dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Arafah bin Shuraih, (Tangan Allah bersama-sama orang yang berjemaah) Riwayat Al-Nasa'ie (4020), memastikan kejayaan bersama dalam mencapai matlamat strategik.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0052_HB02_20241_IC2024_K07_HASIL DUA_7.2.2 TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0052_HB03_20242_IC2024_K07_HASIL DUA_7.2.3 TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0052_HB04_20243_IC2024_K07_HASIL DUA_7.2.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0052_HB05_20244_IC2024_K07_HASIL DUA_7.2.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Kedua: Kategori Tumpuan Pelanggan

PELAJAR BERILMU DAN BERTAQWA, ASAS KOMUNITI SEJAHTERA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PERANCANGAN: Bertepatan dengan aspirasi UiTM untuk menjadi “*Globally Renowned University*” menjelang 2025, dan visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah **berusaha untuk sentiasa melibatkan pelajar-pelajarnya dalam aktiviti-aktiviti bersama komuniti yang dijalankan**. Pelajar merupakan aset penting untuk masa depan negara yang akan menjadi tonggak kepimpinan negara satu hari nanti. Oleh yang demikian, **pembangunan pelajar perlulah dilaksanakan secara holistik agar semua mahasiswa UiTM akan menjadi insan berguna** setelah bergraduasi kelak. Bagi merealisasikan aspirasi dan visi UiTM tersebut, ACIS telah merancang pelbagai aktiviti jaringan komuniti yang melibatkan pelajar di sepanjang tahun 2023 dalam **Bengkel Strategic dan Succession Planning ACIS** yang telah diadakan pada 26 hingga 28 September 2022. Melalui bengkel tersebut, terdapat Sembilan (9) perkara telah diangkat untuk perhatian dan tindakan pihak pengurusan tertinggi ACIS, dengan salah satunya adalah **MENGUPAYA KEMENJADIAN SAHSIAH DAN KEPIMPINAN PELAJAR SECARA HOLISTIK**. Bagi mencapai aspirasi ini, ACIS telah mengadakan pelbagai program komuniti yang melibatkan pelajar.

TAHAP: Pada tahun 2023, ACIS telah berjaya **melebihi sasaran** bagi PI076 iaitu bilangan program *Knowledge Transfer Program* (KTP) dengan menjalankan dua program iaitu Program Pengurusan Samak & Sertu dan juga Halal School Attack, yang melibatkan pelajar dalam pemindahan ilmu kepada komuniti. Selain itu, ACIS juga menganjurkan **13 program komuniti** lain, termasuk program SULAM, CSR, dan kerjasama dengan institusi lain. Program-program ini menyediakan peluang kepada pelajar ACIS untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan menanam nilai tanggungjawab melalui interaksi dengan masyarakat.

TREN: Bagi tren penganjuran program komuniti ACIS dari tahun 2021 hingga 2023, terdapat **peningkatan besar sebanyak 1200%** dalam program yang melibatkan pelajar dan komuniti dalam tempoh ini. Manakala bagi program SULAM, terdapat **peningkatan dua kali ganda** dari 3 program pada 2022 kepada 6 program pada 2023. Kejayaan ini disumbangkan oleh **perancangan terperinci, pembahagian tugas yang jelas, serta penetapan matlamat yang realistik**.

PERBANDINGAN: Bagi mengenalpasti prestasi dan kedudukan ACIS UiTM Shah Alam, perbandingan hasil utama telah dijalankan dengan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Bagi perbandingan berkenaan bilangan penganjuran program komuniti melibatkan pelajar dan komuniti, **ACIS didapati lebih terkehadapan** dengan sejumlah 13 program komuniti melibatkan pelajar, berbanding APIUM yang hanya menganjurkan 9 buah program komuniti pada tahun 2023. Bagi penganjuran program SULAM pula, sekali lagi **ACIS berjaya mendahului APIUM** dengan penganjuran 6 program SULAM berbanding APIUM yang lebih rendah. Ini menunjukkan usaha ACIS dalam memberikan ruang dan platform kepada para pelajarnya dalam **mendekati masyarakat, di samping berkongsi ilmu dengan komuniti setempat**.

KEPENTINGAN: Keterlibatan pelajar dalam aktiviti komuniti sangat penting dan memberi manfaat besar kepada mereka dan masyarakat. Dengan penglibatan dalam program bersama komuniti, pelajar dapat mengembangkan diri dan kemahiran sosial, seperti **kemahiran berkomunikasi, memimpin, dan bekerja dalam kumpulan**. Selain itu, pelajar juga menjadi lebih **peka terhadap masalah ekonomi dan juga sosial**. Melalui program komuniti juga,

pelajar dapat mempelajari untuk menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dan menyumbang kepada **kesejahteraan masyarakat, serta mengamalkan nilai-nilai baik seperti tolong-menolong.**

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0052_HB02_20241_7.3.2 Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0052_HB03_20242_7.3.3 Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0052_HB04_20243_IC2024_K07_HASIL TIGA_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0052_HB05_20244_7.3.5 Kepentingan.pdf](#)